



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3447]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 3466]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan) [Ruangan 3522]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1971 dan 1972) (No. 2) [Ruangan 3468]

Jawatankuasa:

Jadual Pertama—

Kepala B. I [Ruangan 3513]
Kepala B. 7 [Ruangan 3513]
Kepala B. 10 [Ruangan 3513]
Kepala B. 21 [Ruangan 3513]
Kepala B. 26 [Ruangan 3513]
Kepala B. 28 [Ruangan 3513]
Kepala B. 30 [Ruangan 3514]
Kepala B. 34 [Ruangan 3514]
Kepala B. 35 [Ruangan 3514]
Kepala B. 37 [Ruangan 3514]
Kepala B. 38 [Ruangan 3514]
Kepala B. 39 [Ruangan 3514]
Kepala B. 41 [Ruangan 3514]
Kepala B. 43 [Ruangan 3515]

KANDUNGANNYA—(samb.)

RANG UNDANG-UNDANG—(samb.)

Jawatankuasa—(samb.)

Jadual Pertama—(samb.)

Kepala B. 50	[Ruangan 3515]
Kepala B. 51	[Ruangan 3515]
Kepala B. 52	[Ruangan 3515]
Kepala B. 57	[Ruangan 3515]

Jadual Kedua—

Kepala B. 4	[Ruangan 3515]
Kepala B. 7	[Ruangan 3515]
Kepala B. 9	[Ruangan 3516]
Kepala B. 15	[Ruangan 3516]
Kepala B. 16	[Ruangan 3516]
Kepala B. 17	[Ruangan 3516]
Kepala B. 20	[Ruangan 3516]
Kepala B. 21	[Ruangan 3516]
Kepala B. 23	[Ruangan 3516]
Kepala B. 24	[Ruangan 3516]
Kepala B. 27	[Ruangan 3517]
Kepala B. 33	[Ruangan 3517]
Kepala B. 34	[Ruangan 3517]
Kepala B. 36	[Ruangan 3517]
Kepala B. 46	[Ruangan 3517]
Kepala B. 49	[Ruangan 3517]
Kepala B. 52	[Ruangan 3517]
Kepala B. 53	[Ruangan 3518]
Kepala B. 54	[Ruangan 3518]

USUL-USUL:

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3466]

Anggaran Pembinaan (Tambahan) (Bil. 4), 1971 [Ruangan 3471]

Jawatankuasa:

Kepala P. 100	[Ruangan 3518]
Kepala P. 116	[Ruangan 3518]
Kepala P. 138	[Ruangan 3518]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972 [Ruangan 3471]

Jawatankuasa:

Kepala P. 13	[Ruangan 3518]
Kepala P. 14	[Ruangan 3518]
Kepala P. 15	[Ruangan 3519]
Kepala P. 16	[Ruangan 3519]
Kepala P. 21	[Ruangan 3519]
Kepala P. 26	[Ruangan 3519]
Kepala P. 32	[Ruangan 3519]
Kepala P. 33	[Ruangan 3519]
Kepala P. 34	[Ruangan 3520]
Kepala P. 40	[Ruangan 3520]
Kepala P. 47	[Ruangan 3520]
Kepala P. 49	[Ruangan 3520]
Kepala P. 51	[Ruangan 3520]
Kepala P. 52	[Ruangan 3520]
Kepala P. 53	[Ruangan 3520]
Kepala P. 56	[Ruangan 3521]
Kepala P. 57	[Ruangan 3521]
Kepala P. 61	[Ruangan 3521]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Selasa, 5hb Disember, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., (Kota Bharu Hilir).

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).

TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

TUAN AZAHZRI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

Yang Berhormat CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

- ” TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- ” TUAN BUJA BIN GUMBILAI (TUARAN).
- ” AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- ” TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- ” TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- ” TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- ” TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- ” TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- ” TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- ” TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- ” TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- ” DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- ” TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- ” TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- ” TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- ” TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- ” TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- ” TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- ” TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- ” TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- ” DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- ” TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- ” TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- ” TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- ” TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- ” TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).

Yang Berhormat DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).

- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kinamis).

Yang Berhormat TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).

- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI DATUK TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'AKUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabak Selatan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seramban Timor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

„ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

„ DATUK SRI S.P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ DR A. SOORIAN (Port Dickson).

„ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).

„ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

ORANG-ORANG TAHANAN DI PULAU JEREJAK

1. Tuan Chan Fu King minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah orang-orang yang masih ditahan di Pulau Jerejak; dan
- (b) jumlah orang-orang yang dibebaskan daripada Pulau Jerejak, tetapi masih dalam perintah "Penempatan Terhad" (Restricted Residence), serta beri angka-angka yang berlainan bagi setiap negeri.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, kedudukan-nya pada 13-11-72 adalah seperti berikut:

(a) 179 orang

(b) (i) jumlah besar 722

(ii) Cerakinan perangkaan mengikut negeri ialah:

Kedah/Perlis	...	...	34
Penang	...	...	98

Perak	...	...	...	171
Selangor	...	...	...	200
Negri Sembilan	...	...	...	103
Melaka	...	...	...	74
Johor	...	...	...	28
Pahang	...	...	...	8
Trengganu	...	...	...	4
Kelantan	...	...	...	2

Dr Tan Chee Khoon: Bolehkah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberitahu kepada Dewan ini dasar Kerajaan terhadap orang-orang yang ditahan di Pulau Jerejak; tentang masa yang Kerajaan akan menahan mereka di Pulau Jerejak.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Ahli Yang Berhormat itu ialah seorang doktor. Jadi, saya bolehlah menjawab. Kalau seseorang itu ada penyakit yang berjangkit, maka dia diasingkan supaya penyakit itu tidak akan merebak. Itulah dasarnya.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberitahu Dewan ini apakah sebab-sebab mereka masih lagi ditahan di Pulau Jerejak dan kedua, apakah sebab-sebab orang-orang yang telah dibebaskan itu sekarang ini masih lagi dalam perintah Penempatan Terhad.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya telah menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu sebagaimana saya menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi. Sebab orang-orang itu ada penyakit yang berjangkit terpaksa mereka itu diasingkan. Jadi begitu jugalah bila orang ada penyakit yang berjangkit, bila doktor hendak melepaskannya, kita tengok dia dahulu, adakah penyakit itu betul-betul, bila didapati betul penyakit itu tidak akan berjangkit lagi, baharulah kita lepaskan terus.

Tuan Goh Hock Guan: Bolehkah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi sedikit implikasi, apakah penyakit yang telah disebutkan, jikalau beliau sebagai seorang doktor yang terkenal di dalam Malaysia. Bolehkah beliau memberi sedikit implikasi?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Boleh. Misalnya Ahli Yang Berhormat itu ada penyakit—beliau menjadi gangster. Jadi, beliau mestilah diasingkan daripada Parlimen ini. Selepas diasingkan barangkali beliau bertukar fikiran dan kelakuannya sedikit, maka kita sekatlah kelak beliau itu. Selepas beliau ditahan di Pulau Jerejak itu dan bila sudah baik barangkali bolehlah beliau masuk ke mari semula. Jadi, kita semua tidaklah akan terjangkit penyakit beliau.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Kerajaan memberi pekerjaan kepada orang-orang yang dilepaskan daripada tahanan Jerejak ini jika mereka itu setengahnya buruh Kerajaan?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Itulah tujuan Kerajaan. Bila kita menaruh mereka di tempat sekatan itu, kita mencari lagi tempat yang bermakna supaya mereka berpeluang mencari kerja.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Kalau sekiranya seorang yang ditahan di dalam Pulau Jerejak dan penyakitnya tidak berapa teruk, bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu agaknya berapa lamakah beliau perlu ditahan di Pulau Jerejak?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Seperti yang saya katakan tadi, kalau penyakitnya tidak teruk, kita lepaskan dia supaya dia dihadkan tempat dan gerak-gerinya dan bila sudah betui-betul baik, kita lepaskan dia terus.

Dr Tan Chee Khoo: Kalau sekiranya seorang yang dilepaskan daripada Pulau Jerejak kebiasaannya berapa lamakah mereka perlu ditahankan dalam Penempatan Terhad atau Restrictive Residence?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Mereka ini selalu melapurkan diri dan daripada laporan dan gerak-geri mereka dan di atas kenyataan daripada orang ramai kita dapat ukuran bagaimanakah akhlak mereka ini telah pulih semula dan apabila sudah mendapat kenyataan seperti itu kita angkatlah sekatan ke atas diri mereka.

KEGELISAHAN PEKERJA-PEKERJA PELABUHAN KELANG

2. Dr Chen Man Hin minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa pekerja-pekerja di Pelabuhan Kelang merasa pekerjaan mereka terancam, memandangkan rancangan hendak menjadikan Pelabuhan Kelang sebuah pelabuhan kontena, dan samada langkah-langkah telah diambil bagi menjamin mereka bahawa mereka akan terus bekerja.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat adalah sedar akan kegelisahan pekerja-pekerja Pelabuhan Kelang terhadap rancangan Kerajaan mengadakan sistem kontena bagi mengendalikan muatan mulai akhir tahun hadapan. Containerisation akan dimulakan dengan sebegitu rupa dan ia tidak akan memberi kesan terhadap tenaga buruh. Satu jawatankuasa telahpun ditubuhkan bagi mengkaji perkara itu dan pertimbangan adalah diberikan mengenai akibat-akibat terhadap tenaga buruh yang bekerja di Pelabuhan itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberi keterangan di Dewan ini berapa orangkah di dalam Pelabuhan Kelang boleh kehilangan pekerjaan mereka di masa akan datang apabila dibawakan containerisation tahun depan ini?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, saya baharu terangkan, kita ada satu Jawatankuasa yang mengkaji perkara ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberi keterangan bilakah Jawatankuasa ini akan dilantik, kuasanya, perkara-perkara yang disiasat, bila lapurannya akan siap dan bila pula Kerajaan akan mengambil tindakan atas laporan itu?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi bukanlah tujuan Kerajaan hendak membuat complete containerisation di dalam tahun 1973. Kapal yang pertama akan datang pada tahun 1973, tetapi complete containerisation barangkali kita capai di dalam tahun 1976. Walau bagaimanapun Port Klang mestilah ada containerisation dengan kapal-kapal yang ada pada masa sekarang juga. Perkara ini, bagaimanapun kita ada mengkaji semula semua perkara ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, adakah tidak Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat tahu containerisation sudah sampai di pintu kita. Fasal ada juga kapal-kapal sudah sampai dan ada juga kesatuan di dalam pelabuhan memberitahu kepada Kerajaan bahawa di masa akan datang ramai pekerja-pekerja akan kehilangan pekerjaan di dalam pelabuhan. Saya minta Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberi keterangan bahawa kita mesti mengadakan satu plan ataupun satu rancangan bagaimana boleh menjaga pekerja-pekerja di pelabuhan. Kalau tidak, sampai semua kapal-kapal telah menjadi containerisation kita tidak boleh menjaga kehilangan pekerjaan beribu-ribu orang di dalam pelabuhan. Saya minta daripada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberi rancangan yang tetap sekali.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, saya sudah memberi keterangan bahawa bukan tahun hadapan semua sekali containerisation. Kerajaan sedar perkara ini ada berlaku, tetapi kita masih ada masalah buruh dan saya percaya tidaklah payah kita bersusah, pada masa sekarang Kerajaan sudah pun mengambil langkah-langkah atas perkara ini.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menerangkan bahawa Jawatankuasa yang tersebut tadi termasuk wakil-wakil pekerja atau kesatuan sekerja?

Tan Sri V. Manickavasagam: Apabila kita sudah siap, proposals kita mesti berunding dengan pekerja-pekerja dan juga majikan.

IJAZAH-IJAZAH DARI NANTAH DAN FORMOSA—MENGIKTIRAFKAN

3. Tuan Lim Kit Siang bertanya kepada Menteri Pelajaran, memandangkan kepada kenyataan Parlimen oleh Kerajaan pada awal tahun ini bahawa persoalan mengiktirafkan ijazah-ijazah dan kelayakan-kelayakan dari Nantah dan Formosa akan diputus dan diumumkan pada penghujung tahun ini, adakah ini masih lagi di dalam pertimbangan dan nyatakan samada keputusan muktamat telah dicapai, dan jika ya, berikan butir-butirnya; dan jika tidak nyatakan tarikh yang tetap bila Kerajaan akan dapat membuat pengumuman itu.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di Pertua, saya akan membuat satu kenyataan di dalam Dewan ini pada 21hb Disember, 1972 berkenaan dengan ijazah-ijazah dari Universiti Nanyang, Singapura; universiti-universiti di Taiwan dan beberapa ijazah daripada beberapa universiti di India. Saya akan membuat keterangan lanjut pada hari itu.

ORDINAN PERANCANG— UNDANG-UNDANG BARU

4. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada beliau akan mengemukakan undang-undang baru bagi mengenepikan aspek-aspek yang tidak memuaskan di dalam Ordinan Perancang yang ada sekarang ini, terutama sekali berkaitan dengan menyediakan Rancangan Pembangunan Sementara (Interim Development Plan).

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di Pertua, tindakan sedang diambil oleh Kementerian saya untuk meminda dan mengemaskan lagi Ordinan 46/1970 dan pindaan-pindaan tersebut akan ditimbangkan oleh Parlimen yang bersidang sekarang. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum satu Rang Undang-undang bernama Akta Perancangan Bandaraya Kuala Lumpur, 1972 telahpun dibacakan kali yang pertama hari kelmarin di Dewan ini.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, Bolehkah Yang Berhormat Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan mengemukakan satu legislation untuk mengkordinasikan planning dari segi State Level dengan Federal level berkenaan dengan development plan; oleh sebab sekarang Pegawai Perancang Bandar dan Kampung di negeri-negeri bahawa tanggungjawab mereka adalah bergantung kepada State Government, D.O. atau Menteri Besar dan planning dalam Federal level seperti di Kuala Lumpur tanggungjawab itu ialah di dalam tangan Datuk Bandar Kuala Lumpur dan ini adalah satu kesusahan, oleh sebab kurang kordinasi dan bolehkah satu new enactment boleh dibawa di dalam Parlimen?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, masala-masalah yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tidak perlulah diselesaikan menerusi undang-undang (legislation) baharu. Ini adalah berhubung dengan pentadbiran dan Kementerian saya akan berunding dengan Kerajaan Negeri supaya dapat melicin dan mengemaskan pentadbiran itu.

BAYARAN PEPERIKSAAN M.C.E.—PENETAPAN

5. **Tuan Goh Hock Guan** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) samada beliau akan menimbangkan dan membatalkan kenaikan yuran asas daripada £1.5 kepada £2 itu untuk pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan M.C.E./S.P.M. mulai 1973 kerana kadar pertukaran wang sterling kepada ringgit Malaysia mesti-lah dijadikan asas dalam pengiraan yuran-yuran peperiksaan dan kadar ini ialah £1 kepada \$7.34 wang Malaysia; dan
- (ii) samada beliau bersetuju bahawa pengiraan yuran yang diasaskan kepada kadar pertukaran yang tinggi sebagaimana tercatat di atas itu adalah tidak adil.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua,

- (i) Sungguh pun peperiksaan M.C.E. adalah peperiksaan yang dikendalikan bersama oleh University of Cambridge dan Kementerian Pelajaran tetapi berkenaan dengan penetapan bayaran

peperiksaan perkara ini adalah dikendalikan oleh Cambridge sendiri. Baharu-baharu ini Cambridge telah memberitahu Kementerian Pelajaran bahawa mulai tahun 1973 mereka akan menaikkan kadar bayaran asas dari £1.5 kepada £2. Keputusan ini dibuat tanpa rundingan dengan Kementerian Pelajaran dan alasan yang diberi oleh Cambridge mengenai kenaikan tersebut ialah kerana kenaikan perbelanjaan mencetak dan perbelanjaan buruh di Britain.

Kadar pertukaran wang sterling kepada ringgit Malaysia tidak boleh dijadikan asas di dalam pengiraan bayaran peperiksaan oleh kerana perbelanjaan-perbelanjaan tempatan bagi peperiksaan ini akan dibayar dengan perbezaan di antara kadar rasmi dengan kadar yang dikutip. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran sedang menimbang untuk mengurangkan sedikit perbezaan ini.

Bagi peperiksaan S.P.M., oleh kerana peperiksaan ini, sekarang dikendalikan oleh kita sendiri mulai tahun 1972, Kementerian saya akan mengurangkan bayaran masuk peperiksaan ini mulai daripada tahun 1973.

- (ii) Sebagaimana yang telah diterangkan tadi, kenaikan bayaran peperiksaan ini tidak ada kaitan dengan kadar pertukaran paun sterling dan ringgit Malaysia tetapi ianya disebabkan oleh kenaikan perbelanjaan mencetak dan perbelanjaan buruh di Britain.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran sedar bayaran peperiksaan pada masa sekarang S.P.M. atau M.C.E. terlampau tinggi untuk penuntut-penuntut yang miskin. Oleh hal yang demikian, bolehkah Kementerian Pelajaran membantu murid-murid miskin yang tidak boleh membayar bayaran peperiksaan tersebut?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, perkara bantuan bayaran untuk peperiksaan ini sebenarnya sedang dan ada dilaksanakan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, kalau tidak salah saya. Jadi bagi masalah kanak-kanak yang miskin yang tidak mampu membayar yuran bantuan itu telahpun ada dibuat.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Saya hendak bertanya iaitu oleh kerana bayaran peperiksaan sudah naik disebabkan dengan bayaran yang lebih kepada buruh-buruh di Great Britain dan sebagainya. Kita telah merdeka selama 16 tahun, sekolah menengah tinggi iaitu S.P.M.-nya, kertas peperiksaannya masih lagi dihantar ke Cambridge. Dengan sebab itu orang Putih telah menaikkan harganya sampai £2. Tidakkah boleh selepas kita mencapai kemerdekaan 16 tahun kertas itu diperiksa di negeri kita?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, rancangan untuk mengendalikan peperiksaan ini oleh Malaysia sendiri memang ada.

PERISTIWA TERKORBAN PASUKAN KESELAMATAN THAI

6. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pertahanan memberi penjelasan terhadap peristiwa di mana enam orang ahli pasukan keselamatan Thai telah terkorban di tangan ahli pasukan keselamatan kita.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, Kejadian yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu telah berlaku pada 12hb Oktober, 1972 pada jam lebihkurang 7 petang. Pada waktu itu satu pasukan keselamatan telah menyediakan satu kedudukan seranghendap di satu tempat kira-kira 3½ batu di timur laut Kroh—lebihkurang satu batu dari sempadan Malaysia/Thai. Kawasan ini ialah di dalam kawasan operasi di mana perintah berkurung selama 24 jam dikuat-kuasakan. Ketika itu beberapa orang yang berpakaian preman dan bersenjata telah memasuki kawasan seranghendap itu dan pasukan keselamatan yang berada di situ telah melepaskan tembakan. 6 orang telah didapati terbunuh dalam seranghendap itu. Pada mulanya peristiwa itu disangkakan satu kejayaan pasukan keselamatan tetapi apabila disiasat didapati kejadian itu telah menimbulkan satu trajedi yang sangat-sangat dikesalkan. Mereka yang mati itu bukannya pengganas komunis sepertimana yang disangkakan oleh Pasukan Keselamatan tetapi sebenarnya adalah rakyat Thai. Mayat ke enam-enam orang terbunuh itu telah diserahkan kepada pihak berkuasa Thai pada hari mayat-mayat itu dikeluarkan dari kawasan seranghendap itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan sedar apabila trajedi itu berlaku, maka ada beberapa berita yang conflicting stories telah dikeluarkan oleh pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan. Oleh sebab itu suratkhbar di Bangkok pun tidak berpuas hati. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu mengapakah berita-berita itu telah dikeluarkan oleh pegawai-pegawai tersebut?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya ingat Ahli Yang Berhormat tidak ketahui yang sebenarnya. Tidak ada conflicting penjelasan yang diberikan oleh Kementerian Pertahanan, tetapi orang-orang yang tidak bertanggungjawab telah memainkan perkara ini. Ini saya tidak tahu siapa yang memainkannya. Dengan sebab itu, saya suka menafikan bahawa tidak ada penjelasan yang diberikan oleh Kementerian Pertahanan yang disifatkan conflicting.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan sedar barangkali lebih kurang 10 hari selepas trajedi itu, Kementerian Pertahanan mengakui ada kesalahan dibuat oleh pasukan tentera kita. Mengapa begitu lewat?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, tidak ada lewat keterangan dan kita telah berikan dengan seberapa segera yang boleh di atas perkara yang berlaku. Kalau tak salah saya pada hari Sabtu kita keluarkan berita itu, berlakunya pada hari Khamis—hari Sabtu kita keluarkan penjelasan.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Oleh sebab muhibbah antara Thailand dengan Malaysia adalah mustahak sekali, apakah Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand hendak mengambil supaya kejadian buruk seperti ini tidak berlaku di masa akan datang?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Seperti Ahli Yang Berhormat katakan tadi kita telah mengadakan beberapa perundingan supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi, maklumlah, Tuan Yang di Pertua, kadang-kadang dalam perkara ini ada orang tersepak kebelakang apabila pengganas-pengganas ini berada di dalam negara kita. Jadi ini adalah satu perkara yang kita kesalkan yang telah berlaku atas hal ini.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan sedar bahawa pihak Pemimpin National Executive Council Thailand sendiri mengaku bahawa kejadian ini adalah disebabkan kesalahan anggota tentera Thailand sendiri.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Itu, Tuan Yang di Pertua, kita sangatlah berasa gembira di atas kerjasama yang telah begitu erat yang mana telah dilakukan oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di dalam negeri Thai itu dan kita sangat berterima kasih di atas kerjasama yang begitu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, dengan peristiwa ini, adakah Kerajaan kita menuntut maaf kepada Kerajaan Thailand atas kesalahan itu?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, kita telah memberikan, seperti yang saya sebutkan semalam ganjaran di atas sebagai ex-gratia payment. Perkara ini, saya rasa, kita telah mengadakan beberapa ganjaran dan itu menunjukkan kita bersimpati dengan apa yang telah berlaku dan adalah dikesalkan sangat di atas apa yang telah berlaku itu.

SEKOLAH MENENGAH SAINS BERASRAMA—PEMBINAAN

7. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan di mana dan bilakah Sekolah-sekolah Menengah Sains yang berasrama akan didirikan di Malaysia Barat dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua dengan memberi bagi tiap-tiap sekolah itu:

- (a) bilangan penuntut-penuntut yang akan diambil pada tahun yang pertama, tahun yang kedua dan sehingga tercapai angka matlamat pengambilan seramai 1,200 orang penuntut; dan
- (b) cara pemilihan penuntut-penuntut yang dikatakan berdasarkan kepada keputusan-keputusan Ujian Penilaian Darjah Lima.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua,

Sekolah-sekolah Menengah Sains Berasrama yang dibina dalam Rancangan Malaysia Kedua akan didirikan di bandar-bandar berikut:

1. Kangar, Perlis.
2. Sungai Petani, Kedah.
3. Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
4. Kuala Lumpur, Selangor.
5. Kuala Pilah, Negri Sembilan.
6. Air Keroh, Melaka.
7. Kluang, Johor.
8. Kuantan, Pahang.
9. Kuala Trengganu, Trengganu.
10. Kota Bharu, Kelantan.

Sekolah-sekolah ini dijangka siap pembinaannya dalam tahun 1973.

- (a) Bilangan penuntut-penuntut yang akan diambil bagi tiap-tiap sekolah mengikut rancangan adalah seperti berikut:

Tahun Pertama:

Tingkatan I	...	240 orang
Tingkatan IV	...	240 orang

Tahun Kedua:

Tingkatan I	...	240 orang
Tingkatan II	...	240 orang
Tingkatan IV	...	240 orang
Tingkatan V	...	240 orang

Tahun Ketiga:

Tingkatan I	...	240 orang
Tingkatan II	...	240 orang
Tingkatan III	...	240 orang
Tingkatan IV	...	240 orang
Tingkatan V	...	240 orang

Pengambilan murid-murid akan dimulakan pada tahun 1973. Oleh kerana tidak semua bangunan-bangunan Sekolah Menengah Sains ini akan siap pada awal tahun 1973 maka bilangan murid-murid yang akan diambil dalam tahun pertama adalah berkurangan. Ini bergantung kepada tempat-tempat dan kemudahan-kemudahan yang dapat disediakan oleh Ketua-ketua Pegawai Pelajaran di tiap-tiap buah negeri. Walau bagaimanapun bagi tahun pertama untuk tingkatan satu, 2,000 orang murid dan bagi Tingkatan IV, 600 orang murid, akan diambil.

(b) Pemilihan masuk ke Tingkatan I dijalankan melalui komputer, oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran. Keutamaan adalah diberi kepada calon-calon yang mempunyai keputusan cemerlang dalam mata-pelajaran Sains dan Ilmu Hisab di dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Kerajaan Pusat mendirikan Sekolah-sekolah Sains Berasrama ini tertinggal bagi negeri Perak. Mengapa, tidak adakah penuntut-penuntut Perak yang boleh masuk dalam aliran sains? Tidakkah mahu Kementerian Pelajaran mendirikan dalam negeri Perak? Yang ada ini semuanya di negeri lain.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, bagi negeri Perak sebenarnya sudahpun ada Kolej Melayu Kuala Kangsar dan Sekolah Tuanku Abdul Rahman di Ipoh. Tetapi walaubagaimanapun perkara ini boleh ditimbang.

Tuan Luhut Wan: Saya hendak tahu, adakah Kerajaan Persekutuan akan membina sekolah yang sama di negeri-negeri Malaysia Timur, jika ya, bila?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu maklum, perkara pelajaran bagi negeri Sarawak ini adalah dikelolakan oleh Kerajaan Negeri sendiri. Jadi kalau Sarawak hendak membina sekolah serupa ini, terserahlah kepada Kerajaan Negeri itu sendiri.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah apa-apa perbezaan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Kementerian Pelajaran kepada murid-murid Sekolah Menengah Sains ini dengan murid-murid sekolah berasrama penuh seperti Sekolah STAR di Ipoh, Sekolah SDAR di Seremban dan Sekolah Tun Fatimah di Johor?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, saya kurang jelas apa yang dimaksudkan dengan keistimewaan-keistimewaannya itu!

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Kemudahan-kemudahan, adakah sama atau ada perbezaan?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Semuanya serupa.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah bahasa penghantar yang dijalankan di Sekolah Menengah Sains itu?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Saya kurang jelas soalan itu.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Bahasa penghantar yang dijalankan di Sekolah Menengah Sains itu yang bermula pada tahun 1973 ini.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Bahasa penghantarnya ialah bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah murid-murid Sekolah Menengah Sains itu diambil daripada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan juga dari Sekolah Kebangsaan?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Kedua-duanya, Sekolah Kebangsaan dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah murid-murid yang datang dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan itu diasingkan dengan murid-murid yang datang dari Sekolah Kebangsaan bilamana dia menduduki kerusi Sekolah Menengah Sains?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Saya tidak faham soalan itu.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, saya ulang sekali lagi. Ada setengah murid datang dari Sekolah Jenis Kebangsaan—Sekolah Inggeris umpamanya dan ada murid yang datang dari Sekolah Kebangsaan. Kedua-dua murid ini dikumpulkan ke dalam Sekoiah Menengah Sains yang akan dibuka ini, bilamana murid-murid itu menduduki kerusi Sekolah Menengah Sains itu, adakah murid-murid itu diasingkan umpamanya murid-murid dari Sekolah Menengah dari sekolah Jenis Kebangsaan dikumpulkan dua tiga kelas dan murid-murid dari Sekolah Kebangsaan diasingkan pula atau dicampurkan sekali?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Dicampurkan semua sekali.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Di dalam pengambilan murid-murid ke sekolah menengah tersebut, bolehkah Menteri Pelajaran menerangkan pengambilan ini melalui merit sahaja atau murid-murid yang datang daripada Bentong umpamanya diberi lebih peluang memasuki sekolah-sekolah ini berbeza dengan murid-murid daripada sekolah di Kuantan umpamanya?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Sekolah ini bertujuan untuk menampung pelajar-pelajar daripada luar bandar. Jadi soal perbezaan antara murid-murid daripada Kuantan atau dari Bentong tidak timbul.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Setiausaha Parlimen sedar umpamanya di antara sekolah-sekolah di sesebuah negeri, kemudahan-kemudahan di dalam sekolah itu bukan serupa. Oleh sebab itu, maka murid-murid daripada kampung kecil perlu diberi peluang atau weightage untuk memasuki sekolah-sekolah tersebut.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, dasar pemilihan memasuki ke sekolah-sekolah ini dijalankan melalui komputer oleh Lembaga Peperiksaan. Ketutamaan adalah diberi kepada calon-calon yang mempunyai keputusan cemerlang dalam matapelajaran sains dan hisab dalam peperiksaan penilaian Darjah 5. Itulah caranya murid-murid ini akan dipilih.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah benar bagaimana yang dikhuatiri oleh ibubapa atas rancangan Sekolah Menengah Sains Berasrama ini pihak Kementerian masih kekurangan tenaga mengajar? Adakah Kementerian ini mengambil perhatian dan apa langkah-langkah yang sedang dibuat atas masalah kekhawatiran ibubapa ini?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Masalah Kekurangan tenaga pengajar memang kita semua mengetahui. Kita memerlukan sekolah semacam ini kerana hendak menambahkan lagi, bukan sahaja bilangan murid-murid kita yang ada pengetahuan yang kuat, dan baik, dalam ilmu sains dan ilmu hisab, bahkan juga hendak menambah bilangan murid-murid di dalam pengajian-pengajian ini. Maka sebab itulah diadakan sekolah khas ini. Oleh kerana sekolah ini ialah sekolah khas, walaupun kita menghadapi kekurangan guru-guru, kita akan

mengambil langkah istimewa bagi mencari guru-guru dan meletakkan guru-guru yang baik-baik di sekolah-sekolah ini.

Dr Tan Chee Khoon: Bolehkah Menteri Pelajaran menerangkan apa langkah-langkah yang telah diambil atau akan diambil supaya sekolah-sekolah tersebut apabila dibuka ada mencukupi guru-guru sains.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Bagaimana yang saya terangkan, Tuan Yang di Pertua, Kementerian Pelajaran memberi pandangan khas kepada sekolah-sekolah ini, dan dalam rancangan ini, kita hendak menentukan supaya sekolah-sekolah ini tidak kekurangan guru-guru yang baik, dan layak dan juga alatan-alatannya.

KAIN TEXTILE—KAWALAN IMPOT

8. Tuan Goh Hock Guan (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa pencegahan kemasukan beberapa jenis kain tenunan (textiles) telah mengakibatkan kenaikan harga kain dan perlindungan tarif yang berlebihan kepada beberapa industri tempatan telah mengeluarkan barang yang harganya lebih tinggi daripada barang-barang yang dibawa masuk (imported) jika ya; apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi membetulkan keadaan ini bagi melindungi pengguna-pengguna.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di Pertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada pencegahan sama sekali ke atas pengimpotan kain textile. Kerajaan hanya telah mengambil keputusan mengenakan kawalan impot dan ini pun terhadap beberapa jenis textile sahaja. Kawalan impot ini adalah langkah perlindungan sementara kepada industri textile tempatan.

Di bawah kawalan impot itu, jumlah impot yang dibenarkan ialah setakat memenuhi baki keperluan pasaran tempatan yang tidak dapat di bekalkan oleh industri tempatan dan paras quota (quota level) akan dikaji tiap-tiap tiga bulan sekali untuk menentukan bahawa kawalan impot tersebut tidak membawa kesan yang buruk kepada

industri dan pengguna-pengguna. Kementerian saya telah juga mengenakan syarat ke atas pengeluar-pengeluar tempatan menghendaki mereka mengadakan satu sistem pembahagian yang menyeluruh untuk barang-barang mereka. Mereka juga dikenakan syarat supaya harga mereka berpatutan dan mutu barang-barang mereka baik. Oleh itu tidaklah ada sebab harga barang-barang tersebut dinaikkan, oleh kerana mereka hanya dikenakan kawalan impot.

Mengenai cukai impot, kadar cukai ad valorem tidak berubah pada 25% dan hanya cukai specific sahaja yang telah dinaikkan daripada 10 sen kepada 40 sen satu ela persegi bagi textile yang diperbuat dari benang-benang tiruan (man-made fibres). Untuk textile yang diperbuat daripada kapas, cukai specific telah dinaikkan daripada 10 sen kepada 20 sen satu ela persegi. Oleh yang demikian textile yang diperbuat dari benang-benang tiruan adalah sekarang dikenakan cukai impot sebanyak 25% atau 40 sen, mana satu yang lebih tinggi dan bukan 25% atau 10 sen, mana satu yang lebih tinggi, dan textile kapas telah dikenakan cukai impot sebanyak 25% atau 20 sen, mana satu yang lebih tinggi, dan bukan 25% atau 10 sen, mana satu yang lebih tinggi, bagi satu ela persegi.

Cukai impot untuk jenis-jenis pakaian (garments) telah dinaikkan daripada 25% atau \$2.40, mana satu yang lebih tinggi kepada 35% atau \$6, mana satu yang lebih tinggi, untuk satu dozen. Untuk baju (shirts and sports shirts) hanya kadar cukai ad valorem sahaja yang dinaikkan daripada 25% kepada 35% dan cukai specific tidak berubah sebanyak \$30 untuk satu dozen.

Perubahan-perubahan cukai impot baru-baru ini bertujuan untuk memberi perlindungan kepada industri textile tempatan yang menggunakan banyak tenaga buruh. Harga dan mutu barang-barang textile keluaran tempatan adalah setanding dengan barang-barang yang diimport dan kerana inilah industri textile Malaysia telah dapat memasuki pasaran-pasaran ekseptor di luar negeri. Oleh kerana industri textile tempatan telah dapat memenuhi permintaan (demand) tempatan dan industri tersebut telah juga dikenakan syarat tidak boleh menaikkan harganya tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada saya, tidaklah ada sebab yang menasabah mengapa harga mesti

dinaikkan melainkan bagi jenis-jenis yang diimport sahaja. Kementerian saya juga telah memasukkan kain (textile) ke dalam senarai barang-barang yang memerlukan tanda harga.

Tuan Othman bin Abdullah: Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa kenaikan cukai barang-barang impot dan pencegahan masuk beberapa jenis kain tenunan pada masa seminggu sebelum Hari Raya Puasa itu menimbulkan kerumitan orang-orang Islam yang berebut-rebut untuk perayaan Hari Raya. Kenapa tindakan itu diperbuat pada masa yang tersebut itu yang menyebabkan pihak-pihak peniaga mengambil kesempatan besar mencari keuntungan dengan meletakkan harga barang-barang yang tersebut paling tinggi sekali?

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya mengaku yang timingnya itu tidak bagus, tinggal lagi saya bukan bertanggungjawab di atas timing yang mengeluarkan perkara itu. Sungguhpun begitu sebagai seorang anggota Kerajaan saya mengaku bahawa daripada segi saikoloji tentulah ini tidak begitu baik.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah memberikan satu gambaran yang sangat baik bahawa akan memberikan perlindungan kepada industri tempatan. Saya ingin tahu berhubung dengan kain tenunan ini juga, bagaimana kemudahan, apa perlindungan yang diberi oleh Kementerian ini kepada pengusaha-pengusaha kain tenunan bumiputra? Dan apa pula kemudahan yang diberikan kepada mereka?

Tuan Mohamed Khir Johari: Kain tenun yang diusahakan oleh bumiputra tidak mendapat apa-apa ancaman setahu saya daripada luar negeri.

PENUKARAN SYARAT PENGUNAAN TANAH

9. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau akan mengeluarkan satu arahan kepada semua Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pegawai-pegawai Daerah bagi menyegerakan pertukaran tanah untuk tujuan industri dan bangunan memandangkan kelambatan yang terlalu lama yang dialami pada masa sekarang.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat tahu tanah, mengikut Perlembagaan kita adalah tanggungan Kerajaan Negeri. Maka dari itu tidaklah saya bercadang hendak menghantar apa-apa arahan kepada Pegawai-pegawai Daerah, jangankan hendak mengarahkan Kerajaan Negeri.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Apa yang dijawab oleh Menteri Perusahaan Utama tadi berkenaan hendak mendirikan kilang-kilang di negeri itu adalah tanggungan Kerajaan Negeri, tetapi ada satu perkara yang amat pelik bahawa di Negeri Perak ada sebuah syarikat, kilang elektronik yang hendak ditubuhkan di Tapah. Maka sudah dua tahun dia minta, Fail Nombor 1676, bila dia pergi kepada Pegawai Kemajuan Negeri, bertanya mengapa kebenaran tidak dapat lagi? Jawab orang sana: Menunggu keputusan daripada Kerajaan Pusat, Kuala Lumpur yang menentukan supaya kawasan itu tidak hendak dibuat jalanraya atau apa-apa rancangan Kerajaan. Tadi jawab Menteri Perusahaan Utama bahawa itu adalah tanggungjawab Negeri, Negeri jawab di sini (Federal). Di mana hendak dipegang? Itu sahaja yang saya hendak bertanya.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, mengikut Perlembagaan memanglah kuasa Kerajaan Negeri hendak menentukan bagi mengeluarkan hakmilik surat tanah atau menukar syarat surat tanah itu, bukanlah kuasa Federal.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Jawapan dari Yang Berhormat Menteri tadi saya nampak kurang memuaskan sekali. Oleh sebab masaalah conversion of land untuk bangunan dan untuk perindustrian ialah bukan satu hal yang tergantung dalam Negeri sahaja. Masaalah ini satu masaalah yang kita mesti mahu mengakui satu masaalah yang nasional dan dengan sebab itu, bolehkah Menteri menimbangkan dan berhubung dengan tiap-tiap Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masaalah ini?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Soalan daripada Yang Berhormat itu ber-hendak saya mengarahkan. Kalau mengikut Perlembagaan kita, memang pantang bagi Kerajaan Federal hendak mengarahkan Kerajaan Negeri di atas kuasanya sendiri. Tetapi kalau hendak berhubung bila-bila masa atas satu-satu kes, memanglah ada

perhubungan seperti kata seorang Ahli Yang Berhormat. Kalau hendak menentukan satu-satu application tentulah Kerajaan Negeri hendak tahu apa pelan-pelannya. Kerajaan-kerajaan memanglah menyelaraskan langkah-langkah mereka dengan pelan-pelan di peringkat Persekutuan. Sebenarnya pada masa sekarang ini pun sudah ada perhubungan di antara berbagai pejabat samada di peringkat Federal atau di peringkat Negeri ataupun di antara kedua-dua peringkat Kerajaan.

PENANGGUHAN MESYUARAT (Usul)

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, apabila tamat mesyuarat hari ini Dewan ini hendaklah ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang hari Rabu, 6hb Disember, 1972.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, apabila tamat mesyuarat hari ini Dewan ini hendaklah ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang hari Rabu, 6hb Disember, 1972.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SABAH) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Bab 156) bagi mengadakan peruntukan dengan perkara-perkara bersangkutan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SARAWAK) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Bab 90) bagi mengadakan peruntukan dengan perkara-perkara bersangkutan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (SABAH) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi meminda Ordinan Pencen (Sabah) 1963 bagi mengadakan peruntukan dengan perkara-perkara bersangkutan dengannya dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (SARAWAK) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi meminda Ordinan Pencen (Sarawak) (Bab 89) bagi mengadakan peruntukan dengan perkara-perkara bersangkutan dengannya dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG IMIGRESEN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi meminda Akta Imigresen 1963 bagi mengadakan peruntukan dengan perkara-perkara bersangkutan dengannya dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERKAHWINAN SIVIL (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi meminda Ordinan Perkahwinan Sivil 1952 bagi mengadakan peruntukan dengan perkara-perkara bersangkutan dengannya dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dibacakan kali yang pertama; dan akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan yang akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERTAHANAN AWAM (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi meminda Ordinan Pertahanan Awam, 1951 bagi mengadakan peruntukan dengan perkara-perkara bersangkutan dengannya dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1971 dan 1972) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1971 dan 1972 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibaca kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan yang berasingan, satu bagi tahun 1971 dan yang satu lagi bagi tahun 1972. Bagi tahun 1971 ialah Tambahan Ketiga, dan bagi tahun 1972 ialah Tambahan Kedua.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$66,390,041 bagi tahun 1971, dan jumlah ini adalah ditunjukkan dalam Jadual Pertama kepada Rang Undang-undang itu dengan pecahan yang diberikan dalam

bahagian perbelanjaan "bekalan" di dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1971, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 41 tahun 1972. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat perhatikan daripada jumlah \$69,131,012 yang dimasukkan dalam Tambahan ini, jumlah sebanyak \$2,740,971 adalah diperlukan untuk membiayai perbelanjaan "tanggungan" yang mana jumlahnya tidak dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Perbelanjaan tanggungan ini dikehendaki sebagai bayaran mengikut undang-undang mengenai pencen dan ganjaran berikutan dengan bertambahnya bilangan orang yang bersara dalam tahun 1969 dan 1970 dan juga disebabkan oleh pekerja-pekerja perusahaan dan buruh kasar yang masa dahulunya tiada layak menerima pencen tetapi sekarang berpencen mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 tahun 1970. Tambahan ini juga disebabkan oleh pemberian pencen kepada tanggungan-tanggungan bagi pegawai yang telah meninggal dunia dalam perkhidmatan atau selepas bersara mengikut seksyen 17 Ordinan Pencen, 1951 seperti yang dipinda oleh Akta A 122 tahun 1972.

Tuan Yang di Pertua, dari jumlah sebanyak \$66,390,041 yang ditunjukkan dalam Jadual Pertama kepada Rang Undang-undang itu, \$34.4 juta ialah tunggakan gaji yang telah dibayar kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan dalam tahun 1971 berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Suffian, \$18.3 juta untuk pemberian kepada sekolah-sekolah rendah, \$3.8 juta untuk menyelesaikan kehilangan barang-barang dan wang Kerajaan dan \$7.5 juta untuk menampung kerugian atas kadar pertukaran berikutan dengan penurunan nilai ringgit Amerika dalam bulan Disember, 1971. Yang lainnya adalah butiran-butiran kecil yang berbagai jumlah untuk pelbagai perkhidmatan yang ada diterangkan dengan lanjut dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 42 tahun 1972.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$35,318,063 bagi perkhidmatan tahun 1972 yang termasuk \$20,098,080 tertanggung atas Kumpulan Wang Disatukan. Dari jumlah perbelanjaan tanggungan sebanyak \$20,098,080 itu, peruntukan sebanyak \$20 juta adalah dikehendaki bagi membolehkan Kerajaan membayar balik caruman pegawai-pegawai Kerajaan yang memilih keluar dari

sekim menurut Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Pindaan), 1972 dan baki sebanyak \$98,080 dikehendaki sebagai tambahan caruman Malaysia kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa bagi tempoh tiga tahun dari 1972-1974 berikutan dengan bertambahnya kadar caruman dari \$2,520,000 ringgit Amerika kepada \$2,618,080 ringgit Amerika.

Dalam Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang itu jumlah sebanyak \$15,219,983 adalah ditunjukkan dengan pecahannya dalam bahagian perbelanjaan bekalan didalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1972, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 45 tahun 1972. Peruntukan sebanyak \$6 juta adalah dikehendaki di bawah Kepala B. 23—Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun bagi menambah Kumpulan Wang Pendahuluan Kenderaan oleh kerana bilangan pegawai-pegawai yang sekarang layak mendapat pendahuluan kenderaan telah bertambah. \$4.2 juta dikehendaki, dibawah beberapa Kepala Perbelanjaan bagi bayaran tunggakan gaji kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan di Malaysia Timur berikutan dengan pelaksanaan sekim gaji Suffian. Kepala B 17—Kementerian Pertahanan memerlukan peruntukan sebanyak \$1 juta sebagai sumbangan permulaan Kerajaan untuk Kumpulan Wang Bangunan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia berhubung dengan pembinaan Wisma Pahlawan di Kuala Lumpur. Peruntukan sebanyak \$1 juta juga dikehendaki di bawah Kepala B. 27—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi membiayai perbelanjaan mengurus Pemerintah Keselamatan Rejang (RASCOM) di Sarawak.

Keterangan-keterangan lanjut mengenai Tambahan ini adalah didapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 46 tahun 1972.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 4), 1971 DAN ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dirujuk kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis. Usul tersebut berbunyi:

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$19,638,055 dan satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$50,899,590 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan masing-masing untuk tahun kewangan 1971 dan 1972, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 43 tahun 1972 bagi wang tambahan untuk tahun 1971, dan Kertas Perintah Bil. 47 tahun 1972 bagi wang tambahan untuk tahun 1972 diuntukkan jumlah yang tersebut setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepada di ruangan lapan dan sembilan dalam senarai kedua-dua Kertas Perintah itu.

Oleh kerana usul ini meliputi dua Anggaran Pembangunan Tambahan, saya bercadang hendak mengemukakan dahulu Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1971, yang dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Kertas Perintah Bil. 43 tahun 1972 dan diikuti oleh Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1972 sebagai Kertas Perintah Bil. 47 tahun 1972.

Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat, 1971 menunjukkan perbelanjaan tambahan sebanyak \$19,638,055 iaitu tambahan kepada peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 1971. Peruntukan ini dikehendaki untuk meliputi perbelanjaan bagi tiga Kepala Perbelanjaan dalam Anggaran Pembangunan. Butiran yang terbesar ialah mengenai Kepala 116—Angkatan Tentera Malaysia, yang memerlukan peruntukan sebanyak \$17,469,262 kerana membuat bayaran kepada Crown Agents untuk bekalan kelengkapan dan barang-barang setor khas Tentera Udara di Raja Malaysia. Peruntukan yang disediakan

dalam Anggaran Pembangunan 1971 didapati tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak dapat dielakkan.

Butiran perbelanjaan yang kedua ialah mengenai Kepala 138—Jentera-jentera Kerja Raya, yang memerlukan peruntukan tambahan sebanyak \$1,610,000 bagi membeli jentera dan kelengkapan baharu untuk maksud pembangunan. Butiran yang akhir ialah mengenai Kepala 100—Jabatan Perdana Menteri yang memerlukan peruntukan sebanyak \$558,793 bagi menyelesaikan perbelanjaan berkaitan dengan kajian-kajian rancangan untuk projek-projek di bawah rancangan Malaysia Kedua 1971-1975.

Keterangan-keterangan lanjut mengenai Anggaran Tambahan ini ada diberikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 41 tahun 1972.

Tuan Yang di Pertua, sekarang saya akan mengemukakan Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1972 yang menunjukkan perbelanjaan tambahan sebanyak \$50,899,590 iaitu tambahan kepada peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan 1972.

Butiran perbelanjaan yang terbesar ialah mengenai Kepala P. 47—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, yang memerlukan peruntukan sebanyak \$27,634,000. Dari jumlah ini wang sebanyak \$10 juta adalah dikehendaki untuk pinjaman kepada MARA bagi membolehkan menambatkan modal bersama dalam Syarikat Jengka Sendirian Berhad; \$6.7 juta untuk pinjaman kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan; \$5 juta untuk membiayai rancangan pinjaman MARA; \$3,799,000 untuk pinjaman kepada Syarikat Jengka Sendirian Berhad bagi melaksanakan Projek Perhutanan Jengka dan \$2,135,000 untuk pinjaman kepada Kerajaan Negeri Trengganu bagi Rancangan Ladang Getah di Sungai Tong.

Satu lagi butiran perbelanjaan yang besar ialah mengenai Kepala P. 21—Perbendaharaan yang memerlukan peruntukan sebanyak \$9,688,000. Dari jumlah ini, wang sebanyak \$9,348,000 adalah dikehendaki untuk pinjaman kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Pembangunan Lingkungan! Kawasan Perdagangan Bebas di Bayan Lepas dan Weld

Quay dan Kawasan Perusahaan Prai dan baki peruntukan sebanyak \$340,000 adalah dikehendaki untuk pinjaman kepada Kerajaan Negeri Trengganu untuk menjalankan rancangan-rancangan pembanguan tanah di Negeri itu.

Tambahan lain yang besar ditunjukkan di bawah Kepala P. 57—Kementerian Kerja Raya dan Tenaga yang memerlukan peruntukan sebanyak \$5,022,420. \$500,320 daripada peruntukan ini ialah sebagai perbelanjaan cara langsung dan \$4,522,100 sebagai pinjaman. Dari perbelanjaan cara langsung sebanyak \$500,320, wang sebanyak \$465,000 adalah dikehendaki bagi menubuhkan Pusat Pembangunan Pentadbiran Asia di Kuala Lumpur manakala baki sebanyak \$35,320 merupakan pemberian kepada Kerajaan Negeri Perlis untuk melaksanakan rancangan bekalan air di Padang Besar. Dari perbelanjaan pinjaman sebanyak \$4,522,100, wang sebanyak \$4,022,100 adalah dikehendaki untuk dipinjamkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi membiayai Perbadanan Bekalan Letrik Sarawak dan baki peruntukan sebanyak \$500,000 dikehendaki untuk pinjaman kepada Kerajaan Negeri Trengganu untuk pembinaan sebuah dewan di Istana Maziah.

Lain-lain Kepala yang dimasukkan dalam Anggaran Tambahan Ketiga ini memerlukan peruntukan-peruntukan yang berjumlah kecil. Kepala P. 53—Jabatan Laut memerlukan peruntukan sebanyak \$2,450,000 bagi membiayai bayaran-bayaran kontrak untuk membeli sebuah kapal korek dan alat-alat kelengkapan yang berkait. Kepala P. 61—Kementerian Perusahaan Utama memerlukan peruntukan sebanyak \$2 juta untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pelaburan Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad. Kepala P. 49—Kementerian Perhubungan memerlukan peruntukan sebanyak \$1.6 juta untuk membiayai wang pinjaman mengikut jadual-jadual pengeluaran bagi dua perjanjian-pinjaman yang telah ditandatangani diantara Kerajaan Persekutuan dan Lembaga Pelabuhan Kelang. Kepala P. 13—Kementerian Pertanian dan Perikanan memerlukan peruntukan sebanyak \$1,000,060 dari mana wang sebanyak \$1 juta dikehendaki sebagai bantuan permulaan kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk melaksanakan Rancangan Bantuan Lada Hitam. Bakinya sebanyak \$60 itu merupakan peruntukan-peruntukan tanda sebanyak \$10

tiap-tiap satu bagi meminda anggaran harga berbagai pecahan kepala dan untuk mengganti pendahuluan-pendahuluan yang telah dibuat daripada Simpanan Luar Jangka manakala wang tambahan yang dikehendaki itu boleh diperolehi dari simpanan-simpanan dalam Kepala tersebut.

Lain-lain butiran memerlukan tambahan-tambahan kecil sahaja dan keterangan-keterangan lanjut ada diberikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 48 tahun 1972.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Yang di Pertua, saya hendak bercakap sepatah dua tentang apa yang di kemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan disamping ini, saya akan bercakap dalam bahasa Malaysia dan mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua, kebanyakan peruntukan wang ini ialah oleh sebab peruntukan kepada kenaikan gaji atau back pay terhadap Lapuran Suffian. Saya hendak memberitahu kepada Dewan ini malangnya pekerja-pekerja IMG tidak berpuas hati oleh sebab mereka melihat pegawai-pegawai tinggi yang mendapat beribu-ribu ringgit, tetapi mereka mendapat gaji sebulan yang berhampiran dengan \$100. Mereka kesal, oleh sebab mereka tidak dapat, bukan beribu-ribu ringgit bahkan beratus-ratus ringgit pun tidak dapat, dan mereka berharap yang Kerajaan ini hendak menyusun masyarakat semula di samping hendak membantu dalam masyarakat adil kepada rakyat di tanah air kita yang tidak diberi gaji yang sesuai kepada rakyat atau kepada pekerja-pekerja IMG ditanah air kita.

Tuan Yang di Pertua, saya hendak menyentuh sedikit sebanyak terhadap beberapa Kertas yang disebutkan oleh Timbalan Menteri Kewangan.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, some of the things that I wish to touch on are with regard to the loss of public funds through not careful care of Government goods.

I believe in the Ministry of Finance there is a loss of well over one million dollars from stores. Mr Speaker, Sir, this is a very serious state of affairs. One knows that in this country various Ministries buy various goods of a capital nature and do not use them. In this House I have already touched on how expensive medical equipment are still lying in the stores up and down the country, not being used. Now, this is a wanton waste of our public funds. If in addition to stores that have been bought with taxpayers' money, you have stores that are being stolen, then I say that it is about time that the Treasury devised measures to see that stores that are bought with public funds are not stolen.

Mr Speaker, Sir, if I may, I would like to touch very briefly on some of the items of expenditure that are being asked for approval.

Mr Speaker, Sir, although the Prime Minister has stated in this House that in the recruitment of the I.M.G. group of workers preference would be given to ex-servicemen and to people who have finished their training from Dusun Tua, nevertheless, in the case of people who are handicapped—for example, the inmates of the Sungei Buloh Leprosarium who are already cured—they should also be given preference in some jobs. I regret to say, Mr Speaker, Sir, that in the Sungei Buloh Leprosarium the few of the I.M.G. jobs that are available there are not given to the inmates who are already cured. I wish to draw the attention of the Minister of Health, who is here today, to this, and I hope he will pay attention to this and take action because if the very few jobs that are available in Sungei Buloh are not given to the inmates there but are given to people from outside: (a) it will cost the taxpayer more and (b) the inmates of Sungei Buloh will lose hope when they find that they literally cannot have any hope of getting jobs, because if in the Leprosarium itself they are discriminated against, what hope have they of getting jobs outside where society is more cruel to them? I do hope Mr Speaker, Sir, that the Minister of Health will look into this matter and give it his personal attention so that this place which has been named the "Valley of Hope" can bring hope to some of the inmates of Sungei Buloh.

Mr Speaker, Sir, I hope that the Deputy Minister of Finance would pay attention to Kertas Perintah 42/72 where on page 7 it says, "An additional sum of \$3,829,087 is required as the original provision of \$182,070 is inadequate to cover losses of Government stores and public money for the year 1971". Mr Speaker, Sir, this, as I stated before, is a very serious state of affairs and the Treasury cannot rightly come to us for approval to make good such losses without assuring this House that the Treasury will see to it that all the Government Stores will put their houses in order first and that pilferage is cut down to more manageable proportions.

Mr Speaker, Sir, we are also told by the Deputy Minister of Finance that as a result of the devaluation of the U.S. dollar in December, 1971, a sum of \$7,527,300 is required to cover the loss on exchange rate in 1971 as a result of Malaysia's investments and deposits in U.S. dollars. Sir, this House has been telling the Ministry of Finance that we should diversify our foreign investments to a greater extent so as to prevent losses of this nature. I do hope that the Government, and the Treasury in particular, will see to it that we do not incur such losses again and that the Treasury and the Bank Negara officials will be always alert to see that losses of this nature are cut down to the barest minimum.

Mr Speaker, Sir, on page 13 of Kertas Perintah 42/72 there is also a request for the maintenance of telecommunications equipment. Although it refers to airports, I do hope that the Minister of Communications will pay attention to the deterioration of telephone services in this country, in particular Kuala Lumpur, during the past few months. Almost every day one reads of the *Straits Times* 28 or 30 telephone lines being completely out of order—you can't get phone calls in or you can't get phone calls out. Perhaps this may be due to floods. But whatever it may be, I do hope that the Minister of Communications will look into this matter. I have heard complaints, Sir, that while the Government spends enormous sums on building satellite stations to get the latest in communications, the people in the rural areas are wondering why they cannot get simple telephones in their villages or in their towns. I do hope that while we want to keep

up with the Joneses with satellite stations, we should also improve the telephone services in the rural areas in this country.

Mr Speaker, Sir, in Kertas Perintah 46/72, a sum of \$911,124 is required to register new voters in this country. Mr Speaker, Sir, from time to time in this House we have been told by the Prime Minister and various Ministers that the Election Commission will adopt all-the-year-round registration. I do hope the Government will be serious in this matter and will introduce all-the-year-round registration of voters in this country, because whatever the Election Commission may say, there is no doubt that the people of this country are tearing their hair with rage over the recent registration exercise. I myself have had many people coming to my dispensary asking me where and how I could help them to register voters. Unfortunately, because of the stubborn attitude taken by the Election Commission, I could not help them in whatever way. But if there is an all-the-year-round registration and if various officers are designated at registration centers, then we can direct these would-be voters to register themselves as voters.

Mr Speaker, Sir, another example of the wastage of public funds is seen in this Command Paper No. 46/72, on page 6, where there is an item of \$27,000—"An additional sum of \$27,000 is required to meet the expenses in connection with the official visit of the Australian Prime Minister to Malaysia from 11th to 14th June, 1972". Sir, it was wellknown at that time that Mr McMahon sought to take a swing through South-East Asia in order to improve his image for the Australian elections which were held very recently, and this Government on receipt of such a request should have politely told Mr McMahon that it was a waste of public funds for this country to have him come here and make contradictory statements. I do hope that the Government will not embark on such wasteful expenditure just in order to help improve the image of a Prime Minister who was at that time already on his way out of office.

Mr Speaker, Sir, to me another wanton waste of public funds is seen in page 9 of this Command Paper No. 46/72. There is a sum of \$20,600 "untuk bayaran pengangkutan loko wap dari bengkel di Sentul ke Muzium Negara dan untuk membiayai perbelanjaan

pengangkutan pungutan ukiran kayu asli dari India Selatan ke Malaysia." Mr Speaker, Sir, this sum of \$20,600 merely to convey an ancient piece of equipment from Sentul to Muzium Negara is a waste of public funds. I do not know whether the officials concerned before embarking on such an expenditure did try to find out or ask for tenders from people in the transport companies in this Capital City, because I am told by people who are knowledgeable in the transport of such equipment that this expenditure is far in excess of what would be required if the transportation of this loco were to be put out for public tender. I do hope that the Government should not make such wasteful expenditure and then come to this House and hope, in view of the depleted number of Members present here today, that it will not draw attention from Members here or hope, certainly with their huge numbers, they will get such expenditure passed.

Mr Speaker, Sir, another example of the wasteful expenditure of the Government is this. On page 10 of Command Paper 46/72 there is this sum of \$282,500 as Malaysia's contribution to the Exchange Support Fund of the Republic of Khmer to enable the Republic to purchase essential imports to meet civilian needs. I ask the Treasury, Mr Speaker, Sir, whether this country is that rich that it must prop up a corrupt regime in Indo-China, whether the tax payers must foot such bills when we are in need of such money ourselves for useful expenditure. Why should the Government embark on such expenditure when it knows that that regime in Indo-China would collapse tomorrow if it were not propped up by the United States of America? Mr Speaker, Sir, the Government should not embark on such financial adventures knowing full well that this money will not come back and that this money is literally being thrown down the drain.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Untuk penjelasan, Tuan Yang di Pertua. Perkara mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu? Dia bercakap cepat sangat, saya tak dapat hendak mengikutinya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, ini berhubung dengan Kertas Perintah 46/72, muka surat 10, Kepala B. 10—Kementerian Luar Negeri.

Mr Speaker, Sir, there is on page 13 of the same Command Paper, Kepala B. 27 Peruntukan tambahan dikehendaki sebanyak \$1 juta, which is required "to meet the expenses of the Rejang Security Command Secretariat which was established on 1st April, 1972, to effectively deal with the communist threat in Sarawak." Mr Speaker, Sir, from time to time this country and this House hear of encouraging reports of the security situation in Sarawak, and yet we know that this is not so, and yet we know that from time to time more and more expenditure is being incurred to improve the security position.

Mr Speaker, Sir, I do want to impress upon the Government that having more troops, buying more modern equipment and buying more bullets are not the answer to improving the security situation in Sarawak. If the people of Sarawak, be they Ibans, Dayaks, Malays or Chinese, if they do not see a ray of hope, then whatever money, whatever modern equipment that we may buy in order to control the security position, will not improve the security position there. The Government must really seriously reconsider the measures that they have taken or they are about to take in order that they can win the hearts and minds of the people of Sarawak so as to bring hope to the people of that country. Very recently a Member from East Malaysia had asked, "Why all these things are being done for West Malaysia and very little is being thought about East Malaysia?"

Mr Speaker, Sir, on page 16 of Command Paper 46/72 there is an additional sum of \$436,385 required under the PE Vote to meet salaries and adjustments in the Printing Department in Sarawak and other Printing Offices. I do hope that the Printing Department, Mr Speaker, Sir, will take note that our Hansard comes out very late with the result that I personally at least find it very difficult to keep track of the Hansard that from time to time is being posted to me.

Finally, Mr Speaker, Sir, in these Supplementary Development Estimates of \$50 million plus, I see there is an allocation of only half a million dollars by way of *pinjaman* to the improvement of main drainage in the Federal Capital of Kuala Lumpur. Mr Speaker, Sir, the monsoons have started. But even before the monsoons have started, this Capital City of Kuala Lumpur was inundated with floods not so

very long ago and I shudder to think of the effect if Typhoon Sally had not veered off the East Coast of West Malaysia but had given its full fury to West Malaysia. The sum that is being lent to the Ibu Kota is woefully small. Half a million dollars is but a drop in the bucket in order to reduce the floods in Kuala Lumpur. Very recently, Mr Speaker, Sir, I had taken an official of the Bandaraya to one part of my constituency to show him how woefully inadequate were the measures taken by the Dewan Bandaraya in order to cope up with the floods in that area. I do not want to embarrass him, but we all know that adequate measures have not been taken because there is not enough money. I do hope that the Central Government will allocate more funds not by way of *pinjaman* but by way of out-right grants to the Dewan Bandaraya in order that the floods in Kuala Lumpur can be reduced to manageable proportions. In these Estimates that the Government wishes us to pass today there has to be hundreds of thousands of dollars which will have to be spent in order to make good the effects of floods in Kuala Lumpur itself, and I do hope that the Government will allocate more funds for this measure.

In conclusion, Mr Speaker, Sir, I do hope that the Government will pay attention to what we say on this side of the House, particularly with regard to wasteful expenditure on the part of various Ministries. Thank you.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Yang di Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan Anggaran Tambahan untuk tahun 1971 dan 1972 dan minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Saya mahu menyentuh satu perkara di bawah Kepala B. 4, Kertas Perintah 46 Tahun 1972 di mana peruntukan tambahan sebanyak hampir \$1 juta dikehendaki untuk Suruhanjaya Pilihanraya dan di bawah 3 Kepala itu kita dapati peruntukan sebanyak \$863,000 untuk membiayai perbelanjaan berhubung dengan Pendaftaran Pemilik dan Penyemakan daftar memilih di Malaysia Barat dan Timur untuk tahun ini.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I want to take this opportunity to express my party's dissatisfaction at the way and manner the Election Commission

(The remainder of the Honourable Member's speech expunged at the direction of Mr Speaker to conform with Standing Order 36 (8).)

Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, saya bangun cuma hendak menegur ucapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu atas dua perkara. Perkara yang pertama iaitu atas peruntukan yang telah dibelanjakan bagi menyambut Perdana Menteri Australia pada masa lawatannya itu. Ahli Yang Berhormat itu, saya dukacita, membawa "Australian Politics" di dalam Dewan ini. Kita tidak hendak campur dengan politik-politik dalam Australia, tetapi pada masa Tuan McMahon datang ke mari, dia ialah Perdana Menteri Australia. Dia datang sebagai Perdana Menteri Australia, apa tujuan dia, apa niat dia datang, itu halnya sendiri. Tetapi bagi kita negeri yang disifatkan sebagai negeri yang civilised kalau seorang Perdana Menteri datang, kita hendaklah sambut dia sebagai seorang Perdana Menteri. Itu akan menggambarkan samada negeri kita ini, negeri yang civilised atau tidak. Kita harus memberi layanan yang sempurna kepada Perdana Menteri sesebuah negeri yang berbaik-baik dengan kita, yang telah banyak memberi pertolongan kepada kita terutama sekali dengan menerima penuntut-penuntut kita belajar di sana dan memberi lain-lain pertolongan kepada kita. Saya berasa dukacita Ahli Yang Berhormat dari Batu itu membawa soal politik Australia dalam Dewan ini. Ini akan merosakkan perhubungan baik kita. Bagi kita, kita membuat perhubungan dengan negeri-negeri bukannya dengan parti politik bahkan dengan negeri-negeri, pemerintah-pemerintah pada masa itu, iaitu kita mesti hormatkan siapa yang memerintah negeri itu. Siapa yang menjadi Kerajaan di kemudian hari itu adalah terlepas kepada politik dalam negeri itu sendiri. Tak patut bagi Ahli Yang Berhormat itu membawa soal politik Australia dalam Dewan ini.

Yang kedua, saya berasa hairan Ahli Yang Berhormat menegur Kerajaan kita membelanjakan wang untuk melengkapkan Angkatan Bersenjata kita supaya menentang militan komunis di Sarawak. Ahli Yang Berhormat telah ketahui sungguhpun kita kata, dan saya selalu memberi ucapan mengatakan iaitu keadaan keselamatan di

Sarawak itu dapat dikawal, itu tidak bermakna tidak ada ancaman di sana. Jadi bagi Angkatan Bersenjata kita yang telah berkorban nyawa dan telah meninggalkan rumahtangga supaya berkorban mamper-tahankan negeri kita maka menjadi kewajipan bagi Kerajaan melengkapkan seberapa yang boleh bagi Angkatan Bersenjata kita. Dan saya berasa dukacita mendengar Ahli Yang Berhormat itu mengatakan iaitu jikalau keselamatan negeri Sarawak itu tidak terancam buat apakah kita melengkapkan beberapa alat kepada Angkatan Bersenjata kita. Saya tidak pernah mengata yang ancaman tidak ada, ancaman itu ada dan saya selalu berkata iaitu selagi ancaman itu ada, kita akan menentanginya dan dengan itu saya kata kita akan dapat mengawal ancaman itu. Saya sangat berasa dukacita yang Ahli Yang Berhormat itu membuat teguran dalam Dewan ini mengesyorkan yang kita tidak payah melengkapkan apa-apa alat senjata yang patut kepada Angkatan Bersenjata kita.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya di atas Anggaran Pembangunan (Tambahan) dan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, 1972. Oleh kerana tadi saya dengar daripada pihak Pembangkang membuat satu tuduhan berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya. Di sini saya dapati terutama sekali pihak DAP apabila tak masuk jarumnya, apabila orang tak mahu mengundi kepada dia, ada sahaja yang salah. Kami daripada pihak Perikatan tahu bahawa Suruhanjaya Pilihanraya adalah satu Badan yang bebas tidak berpihak kemana-mana. Kami dari pihak Perikatan tahu, juga di pihak Pembangkang yang baru bercakap tadi iaitu Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka iapun kedudukan-kedudukan Suruhanjaya Pilihanraya. Kalau kami dari pihak Perikatan atau pemerintah boleh campur tangan dengan Suruhanjaya Pilihanraya barangkali tak satu undi pun dapat kepada DAP. Jadi dengan sebab itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang telah bertugas betul-betul bertugas dengan tidak campur ke pihak Pembangkang ataupun pihak Kerajaan dapat menunaikan kewajipan-kewajipan terhadap kewajipan-kewajipan yang lalu.

Sesudah itu, saya hendak masuk kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, peruntukan dalam anggaran sebanyak \$120,000, peruntukan tambahan yang dikehendaki ialah \$36,357. Di sini saya dapati peruntukan anggaran adalah \$120,000 adalah tersangat kecil dan peruntukan tambahan sebanyak \$36,000, kalau dibandingkan dengan belia-belie dan beliawanis di dalam negeri ini cukup ramai dan untuk mereka-mereka ini diadakan training centers dan juga bantuan-bantuan di situ dan di sini untuk belia, dikehendaki lebih banyak lagi perbelanjaan-perbelanjaan, tetapi pada hari yang akan datang saya harap kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini minta lebih banyak lagi peruntukan-peruntukan seperti ini oleh kerana belia-belie di tanahair kita ini meminta pertolongan daripada Kementerian Belia dan Sukan.

Berkenaan dengan Kementerian Pertahanan, di dalam Pechahan kepala 4,100 pemberian subsidi dan carum-carum, peruntukan dalam anggaran tak ada, peruntukan tambahan dikehendaki sebanyak \$1 juta. Dalam peruntukan \$1 juta ini adalah dikehendaki membina Wisma Pahlawan di Kuala Lumpur yang memakan belanja lebih kurang \$3,800,000 dan peruntukan permulaan yang dikehendaki sebanyak \$1 juta. Saya minta kepada Kerajaan jika boleh supaya jangan dikutip lagi kepada bekas-bekas Pasukan Keselamatan. \$1.00 dikutip oleh Bekas \$2.00 diberi oleh Kerajaan. Bekas-bekas Pasukan Keselamatan ini telah menjaga negeri kita berperang dengan komunis di dalam konfrantasi dan sekarang juga, baikpun disempadan Thai dengan Malaysia, di Sarawak dan lain-lain maka mereka telah membuang nyawa, mereka meninggalkan anak isteri mereka, dengan gaji yang begitu murah mengorbankan nyawa maka di sini saya percaya sepatutnya Kerajaan Malaysia membuat bangunan Wisma Pahlawan ini sebanyak \$3,800,000, dengan tidak payah dikutip daripada bekas-bekas Pasukan Keselamatan kerana yang saya katakan tadi jasanya cukup banyak, bukan wang ringgit, tetapi tenaga dan nyawa mereka. Dan di sini juga sebagaimana saya telah menengok di negeri lain, bekas-bekas Pasukan Keselamatan ini, di Wisma inilah mereka boleh menunjukkan apa-apa sahaja perbuatan-perbuatan tangan dan sebagainya.

Sesudah itu berkenaan dengan pertahanan juga, saya hendak mengingatkan, selalunya kita memesan barang-barang menerusi

Crown Agents. Sampai hari ini kita telah merdeka selama 16 tahun, tetapi masih juga kita berhubung dengan Crown Agents itu. Jika boleh Kerajaan kita pada hari ini patut tak payah lagi memesan barang-barang menerusi Crown Agents, kalau kita hendak membeli barang kita berhubung terus sahaja kepada pihak-pihak yang berkenaan di mana kita boleh membeli senjata-senjata yang lebih murah lagi daripada menerusi Crown Agents itu.

Satu perkara lagi berkenaan dengan orang-orang kampung. Apakah sungutan orang-orang kampung pada hari ini? Mereka mengatakan gaji pegawai-pegawai sudah ada dengan Suffian Report, tiap-tiap tahun bertambah gaji, tetapi kehidupan orang kampung semakin hari semakin merosot oleh kerana harga getah merosot dan harga kelapa pada hari ini hanya laku 4 sen sahaja sebiji. Sedangkan pegawai-pegawai Kerajaan gajinya makin lama makin naik dan dengan sebab itu harga barang pun melambung pula naik. Apakah sebabnya harga barang melambung baik? Sebab gaji pegawai-pegawai naik, orang-orang kedai pun mulalah menaikkan barang-barang itu. Dengan sebab itu saya harap kepada Kerajaan supaya sungutan orang kampung itu mestilah didengar oleh kerana mereka ini pada hari ini menderita. Berkenaan gaji pegawai-pegawai itu patutlah kita fikirkan baik-baik. Dan kalau bertambah gaji pegawai-pegawai itu, setengah-setengah daripadanya terutama pegawai-pegawai tinggi—bukan semua—ada setengah pegawai sahaja, mereka selalu datang lambat. Kalau pegawai-pegawai rendah datang pukul 8.00 pagi, kerani datang pukul 8.00 pagi, tetapi pegawai-pegawai tinggi ada yang datang pukul 9.30 atau pukul 10.00 pagi. Jadi apabila ditalipon oleh rakyat, bertanya bolehkah hendak bertemu dengan pegawai ini, jawabnya, dia belum lagi sampai ke pejabat. Tetapi kalau kerani dan pion dan pegawai-pegawai rendah mesti tepat, jam datang ke pejabat ada tetapi setengah pegawai tinggi, bukan semuanya, pukul 10.00 pagi baru datang. Maka mestilah diperhatikan oleh Kerajaan oleh sebab gajinya tiap-tiap tahun naik, dan dengan sebab itu pekerjaannya mestilah seimbang dan sesuai dengan pendapatan mereka.

Selain daripada itu berkenaan dengan kerja-kerja yang berkehendakkan wang tambahan. Saya tahu iaitu terutama sekali FELDA, pada hari ini orang yang menanti

selama dua-tiga tahun, orang yang telah ditapis, sudah dapat, masih menanti dua-tiga tahun. Apabila ditanya apa sebabnya, lambat, dikatakan apa boleh buat rancangan ini tak dapat dijalankan dengan cepat oleh kerana JKR tak dapat menjalankan pekerjaannya. Duit ada, tetapi hendak buat jalan JKR mesti membinanya, hendak buat paip air. JKR mesti buat paip air, hendak buat sekolah, JKR mesti buat sekolah. Wang ada tetapi tidak dapat dijalankan kerja-kerja itu. Dengan sebab itu saya haraplah kalau hendak ditambah wang-wang ini, kerjanya mestilah siap lekas.

Ada sebuah sekolah di kawasan saya, Kuala Selangor, namanya Sekolah Kebangsaan Sungai Burung—peruntukan bagi tahun 1972 sudah ada. Sekolah itu serupa sahajalah bangunannya dengan sekolah-sekolah lain sebab pelannya serupa juga. Tetapi sampai bulan Oktober yang lalu belum ada apa-apa lagi, bulan November baru hendak dipanggil tender, tetapi tender pun tak keluar sampai hari ini, hendak siapkan cukup tahun ini? Bagaimana hendak siap, sedangkan pada hari ini sudah 5hb Disember, lagi berapa hari sahaja untuk menyiapkan kerja-kerja pembinaan sekolah itu. Jadi terpaksa dibuat lain tahun. Barangkali lain tahun pun belum tentu lagi boleh siap. Saya heran betul apa sebab pejabat JKR atau Kementerian ini bagaimana menjalankan kewajipannya sebab selalu sahaja lambat. Dengan sebab kelambatan pejabat-pejabat ini maka terpaksa orang-orang yang telah dipilih dalam rancangan FELDA tadi menanti bukan sahaja setakat dua tahun, tetapi mengikut keterangan Pengerusi FELDA, lebih kurang 4 tahun lagi orang ini terpaksa menanti disebabkan masih ada 7,000 orang calon-calon yang dicadangkan untuk dimasukkan kedalam rancangan itu tak dapat masuk oleh kerana kegagalan ini. Jadi begitu juga dengan budak-budak sekolah, oleh kerana sekolah-sekolah yang tak dapat dibuat oleh JKR tadi, maka tahun hadapan begitu banyak budak-budak sekolah tak dapat tempat untuk bersekolah oleh kerana kelambatan yang dibuat oleh JKR ini. Jadi kalau hendakkan wang tambahan, oleh kerana negeri ini kaya kita boleh luluskan, tetapi pejabat-pejabat berkenaan ada sahaja alasannya. Kalau kita tanya apa sebabnya, ada saja jawabannya. Ini adalah semacam

cerita bangau. Oh! bangau, apa sebab kau termenung? Macam mana aku tak termenung kerana ikan tak timbul. Oh! ikan kenapa tak timbul? Macam mana hendak timbul kerana rumput panjang. Oh! rumput, apa fasal kau panjang? Macam mana aku tak panjang, kerana kerbau tak makan aku. Oh! kerbau, kenapa kau tak makan rumput? Macam mana aku nak makan rumput oleh kerana perut aku sakit. Oh! perut, apa fasal sakit? Macam mana aku tak sakit oleh kerana nasi mentah. Oh! nasi, kenapa mentah? Macam mana aku tak mentah, kerana kayu basah. Oh! kayu, kenapa basah? Macam mana aku tak basah, oleh kerana hujan timpa aku. Oh! hujan, fasal apa timpa kayu? Oleh kerana katak panggil aku. Oh!, katak, apa fasal panggil hujan? Macam mana aku tak panggil hujan, ular hendak makan aku. Jadi dengan sebab itu saya harap oleh kerana pembangunan-pembangunan yang pesat akan kita jalankan di dalam tempoh 5 tahun untuk membasmi kemiskinan, maka saya harap benar-benar kerja-kerja yang kebelakangan ini yang mana wangnya telah ada ini mestilah disiapkan dengan seberapa segera.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di Pertua, saya bangun bagi memberi sokongan atas Anggaran Pembangunan (Tambahan) yang dibentangkan di Dewan ini sekarang. Dan saya suka menyentuh mengenai Kepala P. 13—Kementerian Pertanian dan Perikanan bagi peruntukan tambahan sebanyak \$1 juta untuk Anggaran Pembangunan (Tambahan) bagi rancangan bantuan lada hitam di Sarawak.

Tuan Yang di Pertua, ini sudah tentulah rakyat Sarawak yang berminat sebagai peladang lada hitam berasa gembira dan berterima kasih kepada Kerajaan Pusat yang sentiasa mengambil perhatian kepada semua golongan rakyat yang miskin di negara ini baik di Malaysia Barat mahu pun di Malaysia Timur. Dan saya juga merayu kepada Kementerian ini supaya kakitangan yang benar-benar mempunyai pengalaman yang cukup bagi hal ladang lada hitam haruslah ada di Sarawak, untuk memberi nasihat dan memberikan tunjuk ajar kepada peladang-peladang lada hitam. Ini saya maksudkan bukan sahaja pegawai kanan, bahkan pegawai-pegawai rendah yang khas bagi ladang lada mestilah selalu melawat kawasan-kawasan ladang lada

supaya dapat memberi nasihat yang lebih berkesan lagi untuk mempertingkatkan hasil pendapatan dan juga quality yang baik bagi pengeluaran lada hitam di Sarawak.

Tuan Yang di Pertua, sekarang di Sarawak rakyat yang di luar-luar bandar yang mempunyai tanah tinggi telah banyak membuat ladang kecil lada dan ada juga mereka itu telah mendapat bantuan dan pinjaman modal daripada pihak-pihak yang tertentu termasuklah peladang lada di kawasan saya di Ulu Oya, Mukah dan Balingian serta pula sekarang seperti yang saya tahu di kawasan saya ada juga rakyat bumiputra yang menebang pokok-pokok getah tua dan digantikan dengan tanaman lada yang mereka itu percaya hasilnya lebih baik daripada getah pada masa sekarang ini. Dan juga saya syorkan kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya bantuan kepada peladang lada di Sarawak haruslah ditambah lagi daripada yang ada sekarang ini untuk menggalakkan mereka itu lebih giat lagi menjaga ladang-ladang mereka. Akhirnya sekali lagi saya memberi sokongan di atas peruntukan ini.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): Tuan Yang di Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris. Saya hendak berucap mengenai perkara talivishen, Kebajikan am dan orang-orang tahanan.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I would like to make a few proposals for the Television Department to consider.

Sir, firstly, I would suggest that the cigarette advertisements be done away with as it is quite wellknown that cigarettes are the main cause of cancer and in fact cigarette advertisements have been banned in quite a lot of countries. So it is in our own interest that we should do likewise.

Secondly, many people are quite frustrated over certain programmes shown on television, particularly about the same programme being shown simultaneously on two channels whereby the people are forced to watch the same programme on two channels. I think this is a waste of television time. I hope the authorities concerned will look into it and try to give us more variety in the programmes.

Furthermore, Sir, on certain days, only one channel gives us programmes from 2.30 p.m. onwards. The other channel starts only at about 7.00 p.m. Why not also utilise the other channel and give us more programmes? After all, you can just engage a few more members of staff to run the other channel. Then instead of, say, having one Chinese film, one English film, one Malay film or one Indian film per week, we can have, say, two films per week to satisfy more people.

Touching on public welfare, Mr Speaker, Sir, I feel very sad to say that in certain parts of our country, I still see a lot of people, youngsters particularly, sleeping on the verandahs and along the roadsides. I hope the Social Welfare Department can round up these people and give them some sort of education and train them up to do some jobs somewhere.

Thirdly, Mr Speaker, Sir, I would touch on the political detainees. Most of these political detainees come from the Labour Party and though we in the D.A.P. may not agree with them on certain issues, but I feel that these people have got no one to look up to and they depend more on the Socialist International to take up their cause. Some of these detainees have been detained for more than 10 years. After every two years their detention orders are invariably renewed and there is no one to represent their interest. I hope the Government can be more sympathetic to these detainees and treat every case with sympathy and with humanity.

That is all I have got to say, Sir. Thank you.

Tuan Luhah Wan (Baram): Tuan Yang di Pertua, saya hendak menyentuh sedikit dalam Dewan ini mengenai Kertas Perintah 47, muka surat 5 iaitu Rancangan-rancangan Parit, yang mana mempunyai peruntukan yang agak besar untuk negeri Sarawak.

Tuan Yang di Pertua, saya hendak memberi sedikit teguran mengenai rancangan ini supaya Kementerian yang berkenaan dapat membuat development ini atau projek ini dengan begitu lekas sedikit, oleh kerana saya ingat mulai dari tahun 1965 dahulu selalu Kerajaan Negeri Sarawak telah membuat cadangan akan membuka parit dan taliair dalam kawasan Daerah Baram.

Pertama, mereka bercadang akan membuat satu rancangan parit dan taliair di kawasan Long Lamak akan tetapi malangnya, Tuan Yang di Pertua, projek itu ditarik balik oleh Kerajaan.

Kedua, Kerajaan telah bercadang semula supaya membinakan satu projek parit dan taliair di Sungai Bok—itu pun ditarik balik. Dan pada masa ini Kerajaan negeri juga telah mengambil tindakan supaya melaksanakan satu projek yang seperti itu di kawasan Kampung Bernawa yang tidak berapa jauh dari Marudi. Dan saya harap kerja ini akan dilancarkan oleh Kerajaan negeri supaya peladang-peladang di dalam kawasan itu dapat mengambil bahagian dalam rancangan tersebut. Oleh kerana pada masa ini, Tuan Yang di Pertua, dalam kawasan yang tersebut sangat sukar kepada semua peladang-peladang padi bukit yang mana hanya mendapat hasil yang begitu sedikit pada tiap-tiap tahun. Bukan begitu sahaja jikalau pekerjaan ini akan dilancarkan atau dibina dengan baik oleh Kerajaan negeri akan mengelakkan berbagai-bagai kesusahan yang menumpu kepada Kerajaan Negeri, oleh kerana pada masa ini kebanyakan peladang-peladang padi bukit yang tidak ada tempat yang sesuai menanam padi-padi untuk keluarga mereka telah melakukan jenayah melanggar undang-undang negeri serta menebang hutan-hutan simpan Kerajaan. Ini jikalau dibiarkan begitu sahaja tentulah sekali mereka akan kena kesusahan, akan diprosecute di dalam mahkamah dan akan mendapat hukuman denda ataupun kena hukum penjara. Pada Kerajaan Negeri haruslah mengambil tindakan yang jelas supaya membinakan berbagai-bagai projek parit dan taliair ini bukan sahaja di Daerah Baram jikalau dapat biarlah Kementerian yang berkenaan membuat report ataupun menyelidiki di mana-mana kawasan yang layak ataupun sesuai untuk membina rancangan parit dan taliair di negeri Sarawak haruslah Kerajaan mengambil tindakan dengan segera. Dan, Tuan Yang di Pertua, rancangan ini juga ada menghadapi berbagai-bagai kesukaran oleh kerana pada masa ini kita semua sedar bahawa engineer yang mempunyai kelayakan untuk membuat rancangan yang tersebut adalah kurang bukan hanya di Sarawak sahaja malah di seluruh negara kita Malaysia. Kalau mengikut pengetahuan saya pada masa ini bukan engineers itu kurang, mereka sentiasa ada

sedia, akan tetapi malangnya kebanyakan engineers yang qualified pada masa ini hanya tidak mempunyai certificate yang direcognise oleh Malaysian Government. Saya juga memohon supaya Kerajaan Persekutuan mahu pun Kerajaan Negeri mengambil tindakan yang tegas supaya menyelidik perkara ini. Jikalau tidak mungkin Rancangan Malaysia Kedua ini tidak dapat dilaksanakan dengan begitu lancar. Itulah sahaja, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di Pertua, suka saya mengambil bahagian pada membahaskan Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan juga cadangan yang telah dibawa olehnya pada sekejap masa tadi.

Tuan Yang di Pertua, dalam perkara ini yang ingin saya sebutkan ialah berhubung dengan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bilangan 4) Tahun 1971 iaitu Kepala 116—Angkatan Tentera Malaysia yang menghendaki sedikit wang untuk membeli alat-alat kelengkapan bagi membeli alat-alat untuk Kementerian ini.

Tuan Yang di Pertua, saya bersetuju dengan tambahan yang dikehendaki untuk membeli alat-alat kelengkapan bagi menambatkan kecergasan tentera kita. Cuma yang saya ingin meminta pada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya alat-alat kelengkapan ini di masa yang akan datang lebih banyak ditambahkan lagi khasnya untuk satu tugas bukan sahaja mempertahankan negeri daripada diserang oleh musuh-musuh negara kita tetapi juga untuk menyelamatkan orang awam kita daripada diancam oleh musuh-musuh ekonomi yang datang daripada luar negeri. Saya ingin mengambil perhatian tentang di tempat saya iaitu di negeri Trengganu khasnya di daerah Dungun di mana selalu kejadian kaum nelayan yang menjadi mangsa kepada nelayan-nelayan asing yang menjalankan perusahaannya di lautan Malaysia ataupun bersetentangan dengan laut kita.

Tuan Yang di Pertua, untuk kita membela kaum nelayan kita ini yang selalunya menjadi kerumitan dengan sebab di Pantai Timur tidak ada kemudahan Tentera-tentera Udara khasnya di Trengganu tidak ada Tentera Udara dan tidak ada Polis Laut yang lengkap untuk menghalau nelayan-nelayan asing

yang kuat mengancam nelayan-nelayan di sekitar itu. Pernah kejadian, Tuan Yang di Pertua, di mana pihak kita di peringkat Daerah merayu kepada pihak Pusat supaya memberi bantuan dalam hal membasmikan nelayan-nelayan asing ini maka bantuan-bantuan kurang didapati dengan beberapa alasan dan samada kurang kelengkapan atau tidak, tidaklah diketahui, apa yang diketahui ialah bantuan tidak diterima oleh pihak nelayan di sana.

Baru-baru ini, pihak nelayan di sana telah mengalami satu bencana yang paling besar iaitu alat-alat penangkapan ikan di sana iaitu bubu dan sebagainya telah dimusnahkan oleh nelayan asing, tetapi pihak kita tidak boleh membuat apa-apa dan saya dapat tahu pihak yang berkenaan di sana telah memberitahu kepada pihak Kementerian Pertahanan dalam hal ini dan mungkin juga kepada Polis Laut dalam hal ini tetapi bantuan tidak tiba juga.

Satu kejadian beberapa bulan yang lalu iaitu seorang nelayan Malaysia telah tenggelam di tengah lautan dan apakala diberitahu kepada pihak yang berkenaan supaya menghantar helikopter atau kapal terbang, maka pertolongan itu tidak didapati. Oleh itu, saya harap pada masa yang akan datang haraplah pihak yang berkenaan mengambil perhatian supaya pertolongan itu diperolehi dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di Pertua, kembali satu perkara lain iaitu di dalam Anggaran Pembangunan tahun 1972 di bawah Kepala P. 47 berhubung dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di mana kita mahu menambah sedikit peruntukan kepada Kementerian ini dengan beberapa tujuan.

Tuan Yang di Pertua, saya ingin mengambil perhatian kepada Butiran Kecil iaitu berhubung dengan bantuan yang hendak diberi kepada Kerajaan Trengganu untuk membiayai projek-projek pembangunannya. Saya mengalu-alukan pemberian ini kerana ini adalah untuk faedah negeri Trengganu bagi mendevelopkan negeri itu di bawah rancangan SEDC ataupun Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Trengganu. Cuma saya hendak mengambil perhatian supaya pihak yang berkenaan dalam hal ini harus mengambil perjalanan sedikit tentang cara-cara melaksanakannya. Seperti kejadian baru-baru ini di mana satu rancangan di

bawah projek SEDC telah menjadi kelam-kabut, kerana pihak SEDC memberi kepada kontraktor ataupun kepada pemborong untuk menjalankan usaha memberihkan kawasan yang akan dijalankan oleh SEDC untuk membuka ladang getah. Yang mendukacitakan kita ialah pemborong yang berkenaan tidak membayar gaji kepada pekerja-pekerja yang bekerja dengannya yang mana bukan sahaja melibatkan pemborong sebagai majikan yang pertama, tetapi melibatkan juga kepada SEDC sebagai majikan yang lebih penting kepada majikan yang pertama tadi. Saya minta kepada pihak yang berkenaan harus mengambil perhatian supaya rancangan-rancangan ini biarlah menguntungkan rakyat yang miskin bukan sahaja menguntungkan dari segi jangka panjang setelah hasil-hasil rancangan itu didapati bahkan pada peringkat yang pertama pun orang-orang yang miskin boleh menikmati juga berdasarkan rancangan-rancangan itu. Seperti kalau ketika mana baharu-baharu rancangan ini hendak dibuat, iaitu dalam proses menebang dan menanam dan sebagainya maka biarlah orang-orang yang miskin dapat bekerja walaupun dengan gaji yang murah, tetapi pembayarannya dapat dijelaskan dengan sempurna. Jadi, tidak mahulah masa yang akan datang orang-orang tengah yang menjadi kontraktor, samada orang Melayu atau bukan Melayu dia dapat untung, kadang-kadang tidak membayar gaji kepada pekerja-pekerja yang miskin. Jadi, pekerja-pekerja yang miskin ini menderita. Sudahlah dapat gaji \$2.50 atau \$3.00 sehari, gajinya pun tidak dibayar. Inilah perasaan yang cukup sedih yang dialami oleh rakyat jelata. Jadi, saya harap pihak yang tertinggi di peringkat pusat ini harus mengambil perhatian supaya kejadian yang telah berlaku tidak akan berlaku lagi.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut):

Tuan Yang di Pertua, saya ingin mengambil bahagian mengenai dengan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) Tahun 1972.

Yang pertama, saya ingin menyentuh Kepala P. 47—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di Pertua, memberi penghormatan yang tinggi kepada Kerajaan Pusat yang telah sudi memberi peruntukan tambahan sebanyak \$6,700,000, semata-mata untuk menolong Kerajaan Negeri Trengganu di dalam Rancangan

Getah dan Kelapa Sawit yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri dengan baiknya pada masa ini. Sesungguhnya, Tuan Yang di Pertua, dengan adanya sokongan dan bantuan yang begitu baik dari Kerajaan Pusat akan dapat memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin di peringkat Negeri Trengganu menjalankan usahanya bagi kepentingan rakyat Negeri Trengganu yang selama ini agak ketinggalan sedikit di dalam pembangunan seperti yang di dapati oleh rakyat di dalam negeri-negeri yang lain

Saya nampak, Tuan Yang di Pertua, setelah Kerajaan Negeri Trengganu bertukar pemimpinnya, perhatian yang begitu berat daripada Kerajaan Pusat dan dengan adanya perhatian yang begitu berat memberi kenyataan bahawa apa yang selama ini dijanjikan oleh Perdana Menteri bahawa dengan adanya perubahan pucuk pemimpin, Kerajaan Pusat berjanji akan memberi bantuan yang sebanyak-banyaknya mengikut keperluan yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri Trengganu. Saya berpendapat, Tuan Yang di Pertua, dengan adanya pemberian sebanyak \$6,700,000 ini adalah merupakan suatu kenyataan yang tepat seperti yang telah dijanjikan oleh Perdana Menteri.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di Pertua, ialah mengenai dengan Kepala ini juga, iaitu peruntukan sebanyak \$5,000,000 kepada MARA, semata-mata ialah untuk memberi pinjaman kepada ahli-ahli perniagaan yang ingin mendapat pinjaman daripada MARA. Saya ingin menyentuh sedikit sahaja, Tuan Yang di Pertua, mengenai dengan MARA ini.

Yang pertama, di dalam masa Kerajaan memberi jaminan yang begitu lebih kepada ahli-ahli perniagaan bumiputra supaya mengambil bahagian yang sepenuh-penuhnya di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baharu dan memberi jaminan bahawa kiranya kaum bumiputra kurang mempunyai pengetahuan dan kurang mampu untuk menjalankan perniagaan bolehlah berhubung dengan MARA dan bolehlah meminta pinjaman daripada MARA. Sesungguhnya jaminan yang seperti ini, Tuan Yang di Pertua, sangat-sangatlah dialu-alukan oleh ahli-ahli perniagaan bumiputra, tetapi apa yang saya nampak sekarang ini kemampuan di pihak MARA sendiri di dalam melengkap pegawai-pegawainya.

Satu contoh, Tuan Yang di Pertua, semasa sebelum diisytiharkan Dasar Ekonomi Baharu di daerah saya, iaitu daerah Besut, kawasan saya, ada Pegawai MARA ditempatkan di situ, tetapi setelah diisytiharkan Dasar Ekonomi Baharu sehinggalah kepada hari ini Pegawai MARA yang ditempatkan di kawasan itu sepatutnya daripada seorang ditambah kepada dua, tetapi yang ganjilnya dari yang ada seorang itu ditarik dan sekarang ini kosong. Ertinya bagi penduduk-penduduk di daerah Besut ataupun bagi ahli-ahli perniagaan yang berkehendakkan kepada pertolongan daripada MARA mestilah ahli-ahli perniagaan itu pergi ke Ibu Negeri sejauh 75 batu. Saya tidak tahu, Tuan Yang di Pertua, samada perjalanan sejauh 75 batu itu merupakan suatu pertolongan yang dikehendaki oleh MARA kepada bumiputra supaya berjalan jauh untuk mendapatkan pertolongan daripada MARA.

Jadi, kalau selama ini mereka hanya dapat berhubung dengan pegawai-pegawai yang ada di daerah maka untuk menyesuaikan Dasar Ekonomi Baharu ini mesti kaum bumiputra membelanjakan wang yang lebih sedikit untuk menemui Pegawai MARA.

Saya ingin menyentuh Kepala P. 52 mengenai dengan Perkhidmatan Kajicuaca. Sebelum Dewan ini bersidang dua, tiga hari, Tuan Yang di Pertua, mengikut maklumat yang disebarkan menerusi Radio dan Talivisyen, berdasarkan kepada maklumat yang dipetik daripada Kajicuaca bahawa serangan angin yang begitu kuat dan hujan yang dijangka begitu lebat akan turun di kawasan Pantai Timur. Untuk mengelakkan daripada saya terkandas, kalau-kalau berlaku banjir, Tuan Yang di Pertua, maka saya pun bertolak lebih awal ke Kuala Lumpur ini. Apabila saya berada di Kuala Lumpur, Tuan Yang di Pertua, sesuai dengan saat dan masa yang dikatakan angin begitu kuat, hujan akan turun begitu lebat, maka saya pun cubalah menghubungi Pegawai Daerah di Besut; sesudah difikirkan barangkali air sudah penuh atau banyak pokok-pokok yang tumbang, rumah-rumah yang terbaik disebabkan angin yang begitu kuat, maka jawapan yang saya terima, tidak ada hujan yang begitu kuat dan angin yang begitu kuat seperti yang dijangkakan oleh pihak Kajicuaca ini.

Memang, Tuan Yang di-Pertua, saya pun akui bahawa kita manusia ini tidak dapat mengatasi kekuasaan Tuhan, tetapi inilah, yang selalu menimbulkan kesamaran di kalangan orang ramai apabila menerima maklumat tentang amaran-amaran Kajicuaca keadaan yang sebenarnya kurang tepat. Kalau saya kata tidak tepat, kasar sangat, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya menggunakan ayat kurang tepat, dan saya berharap dengan adanya penambahan sebanyak \$45,000 untuk membeli dua yunit radar lagi, saya harap kuranglah sedikit maklumat-maklumat yang kurang tepat ini dapat dikeluarkan menerusi Perkhidmatan Kajicuaca. Apa yang saya harapkan pula, untuk kesenangan bagi orang-orang yang berada di Ibu Kota Kuala Lumpur ini yang hendak berjalan di musim tengkujuh ini, apabila maklumat-maklumat diberi oleh pihak Kajicuaca, selain daripada disampaikan melalui Radio dan Talivisyen ada elokniya di Bandaraya Kuala Lumpur ini diadakan papan-papan tanda di simpang-simpang jalan yang penting seperti ke Timur, ke Utara, ke Selatan supaya orang ramai yang berada di tempat itu dapat melihat dengan terang. Saya terpaksa mengatakan demikian sebab pada tahun yang lepas susah kita hendak mendapat maklumat selain daripada menerusi radio dan talivisyen tidak ada papan-papan yang begitu tepat yang ada disekitar Ibu Kota Bandaraya ini. Tetapi kalau kita daripada Pantai Timur sebelum masuk Pahang atau sebelum masuk Trengganu kalau bertolak daripada Kelantan adalah papan-papan tanda, begitu juga kalau kita datang dari sebelah utara dan sebelah selatan, tetapi setelah kita berada di Bandaraya Kuala Lumpur ini memang tidak ada tanda-tanda yang seperti ini.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir sekali ialah saya ingin menyentuh mengenai dengan Kepala P. 61—Kementerian Perusahaan Utama yang diminta tambahan sebanyak \$2 juta untuk diberi kepada Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad. Oleh kerana syarikat ini, Tuan Yang di-Pertua, telah ditubuhkan di dalam bulan Februari, 1972. Dengan modal yang dibenarkan sebanyak \$50 juta, saya rasa amatlah menasabah dengan peruntukan yang diminta ini, kerana dengan peruntukan sebanyak \$2 juta yang diminta ini akan merupakan modal permulaan bagi pihak Kerajaan kepada syarikat ini dan

setahu saya syarikat ini sedang berusaha dengan giatnya untuk menjalankan tugas seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan dan saya harap pihak syarikat ini akan berjalan dengan baik untuk masa yang akan datang.

Tuan V. David (Dato Kramat): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap dalam bahasa Malaysia dan mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, campurkan dengan dua bahasa, boleh!

Tuan V. David: Boleh! Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Kementerian Kesihatan sudah bergerak sedikit ataupun boleh dikatakan mahu ambil tindakan banyak perkara-perkara yang tidak lagi selesai. Yang pertama, boleh dikatakan rumah sakit tiap-tiap negeri. Rumah Sakit Daerah Kecil seperti Kelang dan lain-lain daerah kecil tidak bersih lagi dalam rancangan tanah air kita yang mana rakyat berasa tidak puas hati kerana tiap-tiap tempat yang kita nampak di rumah sakit lagi kotor.

(Dengan izin) Tuan Speaker, there is widespread discontentment among members of the public in respect of the hospitals; especially hospitals in the smaller districts call for urgent and speedy reorganisation. Even in the bigger hospitals centred in cities and big towns, lack of drugs at times have placed the lives of many patients in danger. Especially in Penang, a few weeks back, I was informed that a particular type of drug was not obtainable in the hospital and as such the patient was asked to purchase this drug in one of the shops.

Sir, hospitals should be accorded top priority and in most of the hospitals, with particular reference to the third class wards, unhealthy conditions prevail. In Kuala Lumpur I have also information to say that illicit samsu is being smuggled into the hospitals for patients. Such a state of affairs can only be rectified if the Minister of Health can take certain measures to implement the law effectively and check on irregularities wherever they do exist.

Sir, in the Penang General Hospital, I was told that even the plates which are used to feed the patients are in a very

deplorable condition. Most of them are dirty, old and contain rust. I would invite the Minister to look into these matters because a nation's health is important and this should receive top priority in our expenditure.

Sir, so far in this country we have not emphasised much on the cleanliness of our food. Adulterated food is sold in many places. Tinned food which is consumed by the public is largely adulterated as there is no check on this. Especially oil and other foodstuffs are being frequently adulterated and sold to the members of the public. If there is no Department to check on this, it is time that the Health Ministry ensures to have a Department created with Food Inspectors to see that these foods are not adulterated and they are served to the people with cleanliness and purity.

Sir, there is also an item here under Kementrian Penerangan. I am very sorry to see the manner in which news is being presented on the Television Malaysia. Day in and day out if television is switched on to hear the news, we do not see anything else except a number of Ministers opening certain meetings, conferences or at times opening small U.M.N.O. meetings and also in most cases members of their families also could be seen. I do not know how news value is being assessed in our country. The news presented by Singapore on their television network brings a great deal of enlightenment to the people. Focus is made on foreign news. For a person who views the television in Singapore, there is no need for him to read the newspapers because the news is well covered from international to national news, but it is very strange and surprising that in our country the news value is not valued in a way that the public would appreciate it. The people of this country, when we say news, expect news in the real sense. I am sure we are not here to see daily the wide publicity given to Alliance and to the member parties of the Alliance. If any opening ceremonies or any functions that are performed have no news value, they should not be shown on the television. There should also be much attention and concentration to Asian countries in the news items. Developments in Vietnam, developments in Indo-China and world problems are all quite

important and relevant to this country. I invite the Minister who is in charge of Information to see that information is rightly given to the people of this country by using the mass media.

There is an item on Kastam dan Eksais Di Raja. Mr Speaker, Sir, I do not know how effective our Customs Department is. In the flourishing Federal Capital of this country, in most of the areas and most of the districts in Kuala Lumpur, we hear that illicit samsu and all forms of drugs are being sold illegally, not only to elders but also to school-going students. Illicit samsu has become predominant in the main centres of our Federal Capital. Sir, laws are not of much use unless and until the laws are implemented by dedicated persons who have the welfare of the country at heart and who also look towards to produce a healthy society in this country. I would invite the Minister, Sir, to gear up the relevant Department so that frequent checks can be conducted in places where illicit samsu is sold and wherever illicit drugs are being distributed to the youths of this country.

In reference to the Election Commission, Sir, I am sure everyone in this House, especially those in the Opposition are disturbed by the manner in which the registration exercise of voters took place a few months ago. This registration of voters has given me the impression—I am sure that the others also would share with me on this—that the Government is attempting to prevent many eligible voters from becoming voters. The registration centres were set up in a haphazard manner

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: I believe Mr Speaker ruled earlier on that speakers should not touch on the Election Commission.

Tuan V. David: I will refrain from it, Sir. Finally, I would like to make some reference to the Causeway in Johore Bahru and the manner in which huts have been built for the Immigration Authorities, especially where people are leaving from Malaysia to Singapore. We find that a number of huts have been built; some of them are purely being used for the parking of cars of officials employed in the Immigration Department. I am sure that the amount

of money which has been spent in this becomes part of our Development Plan. Only the Minister would be able to explain the reason for building a long-house type of shed. But actually there are no check points there: at random the Immigration Officers do check the buses, taxies and cars. Other than this, this shed is empty and is being used as a car park. I hope the Minister will explain the purpose and object of having these huts which have been built with funds which could have been used for some other useful purposes. Thank you, Sir.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu telah merujuk kepada masalah bah atau banjir di Kuala Lumpur. Beliau telah menyatakan bahawa wang sebanyak \$500,000 yang diuntukkan di bawah Kepala 23 akan dipinjamkan kepada Bandaraya Kuala Lumpur untuk membaiki lagi saluran-saluran air dan meminta Kerajaan Persekutuan untuk membekalkan lebih lagi wang sebagai grant bukan pinjaman bagi membaiki lagi saluran-saluran air dalam bandaraya.

Saya suka mengucapkan terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat itu tetapi saya suka menyatakan bahawa \$500,000 yang telah diperuntukkan adalah baki kepada jumlah wang sebanyak \$1,100,000 yang telah diuntukkan bagi membaiki saluran air yang telah diuntukkan bagi membaiki saluran air di Bandaraya Kuala Lumpur.

Wang sebanyak \$600,000 telah diperuntukkan dalam Anggaran Belanjawan, 1972. Tetapi oleh kerana kerja-kerja dijalankan lebih cepat dari jadual, baki sebanyak \$500,000 jadi baki kepada wang yang telah diperuntukkan bagi projek ini adalah dikehendaki sekarang. Kerja-kerja untuk membaiki lagi saluran air di Bandaraya Kuala Lumpur sedang dikaji oleh consultant dan sekiranya untuk memperbaikinya akan dijalankan apabila lapuran-lapuran dari consultant itu telah diterima.

Ahli Yang Berhormat dari Besut mengesyorkan supaya papan-papan tunjuk jalan diletakkan di dalam kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dan saya akan sampaikan cadangan Ahli Yang Berhormat itu kepada Dewan Bandaraya untuk tindakan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya akan memberikan jawapan sedikit sebanyak atas perkara-perkara yang bersabit dengan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan dan juga Kementerian Luar Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka telah menuduh iaitu Election Commission memberi kemudahan kepada parti-parti yang berkuasa, tetapi tidak begitu memberi kerjasama kepada parti Pembangkang. Saya berdukacita oleh sebab ini semuanya tidak betul apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, oleh sebab perkataan-perkataan, jikalau ada bokti-bokti, silalah Ahli Yang Berhormat itu membawakan perkara ini yang sebenarnya supaya kita kaji dan bahaskan perkara ini. Hanya apa yang kita dengar dalam Majlis ini pada hari ini hanya satu statement yang tidak ada bokti-bokti yang patut disubstantiatekan oleh pihak Ahli Yang Berhormat itu. Sama juga bokti-bokti yang telah mengatakan kerjasama yang telah diberikan kepada pihak parti berkuasa tidak ada yang mengatakan satu persatu iaitu perkara ini yang sebenarnya berlaku. Maka dengan itu tidak adalah tuduhan atau dakwaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu memberikan satu bokti yang terang yang mana kita patut terima.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, saya suka menyentuh apa Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor mengatakan bersabit dengan Wisma Pahlawan. Wisma Pahlawan tidaklah diberikan oleh perajurit-perajurit untuk bangunan itu. Apa yang telah dikumpulkan sebagai derma ialah daripada orang-orang ramai. Ini mungkin ada juga perajurit-perajurit berasa bersimpati dengan cadangan projek-projek ini yang telah diberikan dermanya untuk Wisma Pahlawan. Sebaliknya pula Kerajaan telah memberi derma juga. Inilah sebutan di dalam Anggaran Perbelanjaan (Tambahan) ini telah dibuatkan satu perbelanjaan untuk memberikan derma bagi pihak Kerajaan bersimpati dengan apa yang dibuatkan oleh perajurit-perajurit pada masa-masa mereka itu berkhidmat sebagai perajurit. Apabila mereka itu bersara, maka inilah satu bokti yang Kerajaan berbangga dan menghargai perkhidmatan mereka itu pada masa-masa yang lampau.

Yang ketiga, Tuan Yang di Pertua, oleh sebab Ahli Yang Berhormat dari Batu telah berucap dalam bahasa Inggeris dan izinkan saya menjawab dalam bahasa Inggeris yang mana telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu bersabit dengan Exchange Support Fund.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the Exchange Support Fund was created mainly to help the Khmer Republic to stabilise its economy which has been ravaged by the war. Because of the war situation in the country, the Khmer Republic was short of foreign exchange to meet the import of essential commodities needed for the people. The Exchange Support Fund will be administered with the supervision of the International Monetary Fund. A number of countries including Malaysia have contributed to this Fund, which is aimed at stabilising the economy and reduce the spiralling increase in the prices of essential commodities. As this was a good cause to assist a friendly neighbour, which is also a member of the Non-aligned Group, together with the others, the Malaysian Government decided to contribute to this Fund. It is also, Mr Speaker, Sir, on a very good humanitarian ground that we have done so to enable the Republic to achieve stabilisation of its foreign exchange.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Dungun ada menyentuhkan bersabit dengan nelayan-nelayan yang telah diancamkan oleh pihak negara lain oleh trawlers yang besar, di sini saya suka mengatakan pada masa-masa yang lampau pihak Kementerian Pertahanan melalui Angkatan Tentera Lautnya telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya untuk menjaga nelayan-nelayan, untuk memberikan apa pertolongan jikalau pertolongan itu dikehendaki dan membuat rondaan serantau tempat yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat itu. Yang mana tuan-tuan Yang Berhormat sedia maklum lautan ini sangatlah besar kita hendak mengawal oleh sebab selepas daripada territorial waters. Mungkin pihak tentera laut tidak begitu dapat terkawal kerananya bubu-bubu nelayan-nelayan ini telah pergi 120 batu daripada gigi air atau tanahair kita, kepada Laut Cina dan sebagainya. Mungkin dengan adanya begitu jauh nelayan-nelayan kita telah meletakkan bubu-bubu untuk menangkap ikan ini, mungkin oleh sebab perkara ini kita tidak dapat mengawal perundaan sebegitu jauh.

Ada juga had, kadang-kadang berlakunya ancaman-ancaman ini, tetapi pada masa yang lampau saya suka mengatakan kepada Majlis ini, Dewan ini iaitu kita telah dapat kawal dan telah dapat mengurangkan ancaman-ancaman ini, baikpun dari segi kehilangan bubu dan juga dari segi menahan mereka daripada luar itu mengambil bubu-bubu dan tangkapan-tangkapan ikan. Itulah sahaja, terima kasih.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, saya cuma menjawab dua soalan. Yang pertama ialah daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu, beliau berkata diberi peluang kepada pesakit-pesakit di Sungai Buloh Leprosy Centre untuk menjadi pekerja I.M.G. Group di hospital. Tuan Yang di Pertua, pengambilan pekerja-pekerja seperti I.M.G. Group di dalam hospital kita pada sekarang ini adalah seperti berikut:

50% daripada Ex-Army Peoples bakinya adalah pemuda-pemuda yang telah dapat latihan daripada Dusun Tua dan selain daripada itu ialah daripada Employment Exchange.

Tuan Yang di Pertua, saya selalu merayu kepada majikan-majikan swasta memberi pertolongan kepada orang-orang yang minta pekerjaan daripada Hospital Sungai Buloh Leprosy Centre. Ini memanglah saya harap dapat bekerjasama daripada majikan-majikan yang biasa.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Datuk Kramat telah bercakap berkaitan dengan Hospital di bawah Kementerian saya khasnya Hospital di daerah Kelang, tidak ada kebersihan. Tuan Yang di Pertua, Hospital Kelang pada hari ini ialah sebuah hospital yang lama. Dengan itu juga adalah satu wad ialah bilangan pesakit yang chronic telah ke sana beberapa tahun yang sudah. Jadi pesakit-pesakit ini tidak dapat peluang dihantar ke tempat yang lain, maka itulah sebabnya di Kelang Hospital tidak dapat satu wad, untuk pesakit-pesakit chronic terpaksa mereka itu duduk di sana dan juga memberikan makanan dan perubatan dan kebersihan yang dijaga oleh kakitangan di hospital Kelang. Yang sebenarnya semua hospital di daerah atau di bandar-bandar dan sebagainya adalah menjaga kebersihan pada tiap-tiap pegawai yang berkenaan. Jadi saya di sini suka merayu, suka menasihati kepada

Yang Berhormat daripada Datuk Kramat menyiasat betul-betul dahulu, jangan mendengar khabar-khabar angin dan sebagainya dan membuat percakapan di Dewan yang terhormat ini. Beliau juga berkata adalah kekurangan jenis drugs yang ditimbulkan di Hospital Pulau Pinang. Ubat-ubat yang digunakan oleh tiap-tiap hospital pada hari ini ialah sama dan cukup. Barangkali adalah masanya satu jenis ubat itu yang ada berkurang akan didapati pegawai berkenaan boleh berhubung dengan Kementerian saya, jenis drugs yang kurang itu, Kementerian saya akan menyampaikan apa-apa kekurangan drugs yang timbul pada tiap-tiap hospital dengan segera.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Datuk Kramat juga mengatakan dapat information samsu, samsu ini telah diseludup di Hospital Besar Kuala Lumpur. Ini, saya harap Yang Berhormat itu jikalau dapat information yang sebenarnya, saya harap Yang Berhormat itu, sebagai Ahli Yang Berhormat dan juga Wakil Rakyat, akan melapurkan perkara itu kepada pegawai saya atau polis yang berkawal di hospital itu. Inilah jawapan saya kepada Yang Berhormat daripada Datuk Kramat, terima kasih.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menegur yang ada projek dalam kawasan Yang Berhormat itu yang tidak dapat dilaksanakan oleh J.K.R. seperti yang dijadualkan, tetapi di sini saya ingin memberi tahu kepada Dewan yang mulia ini yang saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab dengan J.K.R. adalah sentiasa mengambil perhatian yang berat supaya semua projek-projek dalam jajaan saya adalah telah dilaksanakan seperti yang dijadualkan, kecuali jikalau ada sesuatu sebab yang beyond my control. Jadi dengan sebab itu perkara yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu sepatutnya tidaklah akan timbul, tetapi jika sebenarnya perkara ini ada terjadi, saya harap Yang Berhormat itu memberitahu dengan saya atau berjumpa dengan saya supaya masalah yang melambatkan itu dapat saya selesaikan supaya projek itu dilaksanakan dengan seberapa cepat.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, saya suka menjawab cuma dua perkara yang telah dibangkitkan. Yang pertama, Yang Berhormat dari Batu Gajah telah mengambil perhatian Dewan ini kepada mereka yang ditahan. Katanya, sebagai political detainees. Sebenarnya sebagai yang telah diterangkan beberapa kali dalam Dewan ini tiada sesiapa yang ditahan sebagai political detainees, tetapi mereka yang ditahan adalah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, Tahun 1960. Mereka ini ditahan ialah untuk menyekat mereka membuat kegiatan-kegiatan mengancam keselamatan negara, seperti yang telah diperuntukkan dalam Akta yang tersebut. Kes-kes mereka ini dikaji pada tiap-tiap 6 bulan sekali oleh sebuah Lembaga, Lembaga Penasihat dan Lembaga ini adalah Lembaga yang dilantik oleh Yang di Pertuan Agung dan Lembaga ini adalah bebas. Mereka akan mengkaji kes-kes ini sekiranya di dapati orang yang ditahan itu tidak lagi mengancam keselamatan negara maka Lembaga ini akan mengesyorkan supaya mereka itu dibebaskan. Jadi tidaklah benar sebagai yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu mereka yang ditahan itu tidak ada pembelaan langsung kecuali melalui badan-badan international. Sebenarnya mereka itu adalah dibela ataupun kes mereka dikaji oleh Lembaga yang tersebut.

Satu lagi perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Datuk Kramat berkenaan dengan pondok-pondok imigresen di Johor Bharu. Sebenarnya tuduhan itu semata-mata tidak benar yang pondok-pondok atau bangsal imigresen itu digunakan sebagai tempat letak kereta pegawai-pegawai berkenaan. Sentiasa didapati tempat imigresen ini selalunya sibuk dengan lalu-lalang, tak ada tempat kosong yang digunakan sebagai tempat letak kereta pegawai-pegawai itu. Dan untuk makluman Dewan ini iaitu checking points atau tempat-tempat yang pegawai imigresen ini menjalankan tugasnya ialah dibuka sentiasa terutama semasa ramai orang lalu-lalang untuk masuk dan keluar daripada checking points ini, dan semasa peak period semua pondok-pondok ini dibuka. Cuma kalau semasa yang lapang sahaja kadang-kadang dua lorong ditutup, apabila nampak ramai sahaja orang-orang

masuk keluar maka tempat-tempat yang ditutup itu akan dibuka bagi mempercepat mereka-mereka itu. Sekian sahaja, Tuan Yang di Pertua, penjelasan saya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Penerangan suka memberi sedikit jawapan kepada dua tiga perkara-perkara yang telah ditimbulkan dalam bahasan petang ini. Sungguhpun tambahan yang diminta ialah untuk projek-projek kemajuan dan bangunan serta tunggakan gaji akibat pelaksanaan gaji Suffian, tetapi ada dua tiga orang yang telah mengemukakan dan mengaitkan dengan soal program talivisyen dan radio. Yang pertama, ialah wakil dari Batu Gajah yang telah menyentuh tiga perkara. Yang pertama dia menyentuh dan mendesak supaya pihak talivisyen mengharamkan iklan cigarette dan mengikut beliau ini adalah punca penyakit cancer dan negara-negara lain juga telah banyak mengharamkan iklan cigarette.

Soal ini telah banyak dibahaskan dalam public forum dan juga keputusan-keputusan yang telah diambil oleh badan-badan yang tertentu. Kementerian Penerangan telah juga menjalankan siasatan, dan satu siasatan yang dijalankan oleh badan yang bebas menunjukkan bahawa di negara-negara di mana advertisement cigarette itu diharamkan, soal orang menghisap rokok itu bukan bertambah kurang, tetapi bertambah naik. Jadi, perkara ini, pihak Kementerian Penerangan berpendapat, kenalah dibahagikan perkara itu kepada dua bahagian. Pertama, kita pandang dari segi orang yang menghisap rokok, dan kedua dari segi iklan menghisap rokok. Kementerian Penerangan, berpendapat kalau pun diharamkan iklan rokok di radio dan T.V. maka langkah ini tidaklah mengurangkan jumlah orang yang menghisap rokok. Walau bagaimanapun Kementerian Penerangan akan sentiasa bekerjasama dengan mana-mana pihak yang menjalankan usaha untuk menurunkan jumlah orang yang menghisap rokok ini. Masaalah ini bukanlah satu perkara yang agak senang kita boleh atasi, dan semua orang bersetuju barangkali soal menghisap rokok itu satu perkara yang berlainan dengan soal mengiklankan rokok. Jadi pihak Kementerian Penerangan juga mengambil perhatian atas perkara ini dan telah pun beberapa kali membincangkan dengan pihak para iklan khasnya dengan

syarikat-syarikat rokok di negara ini dan mereka juga bersimpati dengan usaha mengatasi penyakit disebabkan rokok itu. Dan itulah sebabnya dalam salah satu rundingan yang saya sendiri telah diarahkan oleh Yang Berhormat Menteri, soal kita mengiklankan rokok di talivisyen itu mengikut masa-masa yang tertentu supaya iklan rokok itu tidak keluar di masa yang sibuk atau program kanak-kanak samada di radio ataupun talivisyen.

Dalam pada itu pula kita telah mengesyorkan ataupun sedang memikirkan untuk mengadakan satu "code of advertisement" khasnya dalam soal rokok ini supaya pihak-pihak yang tertentu menjalankan usaha hendak mengurangkan jumlah orang merokok ini, kita bersama-sama dengan mereka untuk mencapai matlamat itu; tetapi desakan meminta supaya semata-mata diharamkan advertisement rokok di talivisyen dan radio, maka pihak Kementerian Penerangan berpendapat langkah mengharamkan advertisement sahaja bukanlah langkah positif untuk menurunkan jumlah orang yang merokok.

Perkara yang kedua. Beliau menegur ada antara program dalam T.V. dikeluarkan serentak dalam Channel 1 dan Channel 2. Barangkali yang dimaksudkan ialah PERISTIWA yang dikeluarkan pukul 8.30 dan Warta Berita atau premier news pukul 9.00. Rancangan itu kita keluarkan serentak dalam Channel 1 dan Channel 2 kerana kedua-dua programme itu ada hubungan. Programme Peristiwa itu bolehlah dikatakan satu programme mendalam (news in depth) dan di sini kita keluarkan programme yang bercorak educational atau yang kita panggil "developmental programme" yang menunjukkan kemajuan-kemajuan negara kita terutama sekali programme berhubung dengan dasar ekonomi baru di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Dan kita memutuskan supaya Peristiwa dan Warta Berita atau premier news pukul 9.00 itu dikeluarkan serentak dalam Channel 1 dan Channel 2 memandangkan kepada survey kita bahawa kedua program itu terlalu popular. Ratingnya di kalangan pendengar adalah tinggi. Dan dengan adanya permintaan ramai, surat yang datang kepada kita, maka kita putuskan supaya kedua-dua program itu dimasukkan dalam kedua-dua channel supaya pendengar atau audience kita di kedua-dua channel itu tidak terganggu dengan program yang lain.

Yang ketiga, beliau itu menegur mengapa hari Sabtu satu channel sahaja memulakan siaran Talivisyennya awal iaitu pada 2.30 dan apakah salahnya channel yang satu lagi juga mengeluarkan siaran-siarannya pada awal dalam hari Sabtu ataupun hari kelepasan. Pihak Kementerian Penerangan mengeluarkan atau menambahkan air time-nya semata-mata khasnya di Talivisyen bergantung kepada progreem-program yang kita agak sesuai dikeluarkan ke dalam Talivisyen. Panduan kita seperti yang kita sebutkan selalu dalam Dewan ini ialah Rukunegara. Kalau kita kedua-dua channel yang bermula awal bermakna kita memerlukan banyak filem. Masaalah yang ada di hadapan kita hari ini ialah masaalah filem tempatan. Pada hari ini kita hanya dapat mengeluarkan filem tempatan dalam Talivisyen antara 40% dengan 45% sahaja, target kita 60%. Kebanyakan filem dari luar negeri itu kita dapati tidak sesuai dengan dasar Kementerian Penerangan yang berpegang kepada asas atau jiwa Rukunegara dan kalau pun setengah-tengah filem—commercial film masuk ke negara ini yang telah diluluskan oleh Film Censorship Board tidak semestinya filem itu boleh dimasukkan atau disumbatkan menerusi Talivisyen kita kerana adanya panduan-panduan yang tertentu yang kita fikirkan sesuai kepada rakyat kita yang berbilang bangsa di negara ini.

Satu lagi perkara berhubung dengan ini di setengah-tengah negara juga berpendapat pada hari ini ada setengah-tengah negara bertelingkah dalam perkara ini, ada setengah negara berpendapat hendak menambahkan Talivisyen air time dan ada setengah-tengah negara hendak mengurangkan Talivisyen air time, kerana pada pendapat mereka, yang kita juga bersetuju, tidaklah seharusnya kita mengikat orang ramai semata-mata menengok Talivisyen. Sudah menjadi feil manusia kalau Talivisyen itu dibuka 24 jam sekalipun mereka lihat Talivisyen. Jadi pada pendapat kita pihak Kementerian Penerangan adalah tidak baik di bawah usaha kita hendak menyusun semula masyarakat ini kalau kita ikat seluruh masyarakat kita 24 jam dengan Talivisyen ataupun mengikat mereka dengan Talivisyen—melihat Talivisyen dalam masa yang sepanjang-panjangnya. Dan inilah dua faktor yang saya kata tadi menyebabkan kita berfikir tidaklah patut kita menambahkan air time bagi kedua-dua channel itu pada

hari Sabtu atau hari kelepasan. Walaubagaimanapun, satu daripada channel itu tiap-tiap hari kelepasan kita mulakan pada pukul 3.00 dan kalau hari Sabtu pula kita kedua-dua channel itu awal siarannya, misal kata, kalau kedua-dua channel itu dikeluarkan awal hari Sabtu, kita kena fikir juga, di setengah-setengah negeri di tanah air kita ini hari, Sabtu itu bekerja, misal di negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Johor, Kedah dan Perlis dia bekerja hari Sabtu. Jadi pada tafsiran kita kalau kita pasang juga Talivisyen terus-menerus kedua-dua channel dengan progreem yang baik-baik ada kemungkinan mereka itu leka daripada kerja menengok Talivisyen sahaja.

Satu perkara lagi ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Datok Kramat, ialah "news value" yang dikeluarkan oleh Talivisyen dan Radio itu ditumpukan semata-mata kepada ucapan-ucapan Menteri. Di sini suka saya hendak terangkan Radio dan Talivisyen kita ini mass media government. Priority diberikan kepada Government news. Dan berbalik pula samada Menteri itu bercakap di government's function ataupun perjumpaan UMNO, tafsiran kita, kalau Menteri itu bercakap di government's function pun Menteri government. Kalau dia bercakap di rancangan UMNO pun Menteri government juga kerana orang itu juga bercakap tetapi yang bertukar semata-mata tempatnya. Jadi samada dia bercakap di tempat UMNO ataupun di lain-lain tempat, kalau satu-satu Menteri itu bercakap, bercakap di dalam soal government dia akan diberi liputan kerana priority kita ialah memberikan news berhubung dengan gerakan-gerakan Kerajaan. Dalam pada itu pula bukan kita memberikan liputan itu kepada Menteri sebagai satu manusia, kita memberikan liputan itu pada Menteri terhadap tugasnya dan ini bukan sahaja Menteri-menteri, orang-orang lain juga kalau kita fikir ucapan atau berita yang dibuatnya itu ada hubungan dan kebaikan kepada negara kita akan keluar kan. Tetapi barangkali soal parti-parti dan sebagainya bukanlah dikeluarkan pada Warta Berita, kita baikan perkara ini news in depth kalau ada pembukaan yang agak ada latarbelakang kita masukkan kepada *Peristiwa*, itu saya kata tadi kedua-dua perkara ini news pukul 9.00 dengan *Peristiwa* itu ada hubungan antara satu dengan lain. Tetapi satu perkara saya mahu tegaskan,

mahu tidak mahu mass media government keutamaan hendaklah diberi kepada message Kerajaan kepada rakyat.

Satu lagi dia bergaduh kurang sangat foreign news dalam Radio dan Talivisyen kita. Barangkali beliau ini silap sedikit, kalau boleh saya katakan kurang sangat Radio atau Talivisyen dalam dunia ini mementingkan foreign news hatta kalau kita dengar BBC sekalipun. Kalau kita dengar BBC di waktu debate Common Market tiga news sahaja dikeluarkan; satu news Common Market, dua, news Northern Island bergaduh, yang ketiga news Uganda, itu sahaja. Soal news kita langsung tidak ada. Jadi, fasal apa pula kita sebagai sebuah negara yang merdeka hendak penting world news yang tidak ada hubungan dengan kita. Walaubagaimanapun, kalau ada berita-berita dunia yang ada hubungan dengan negara kita atau kepentingan kita itu sudah pasti masuk dalam Radio dan Talivisyen kita, itu tidak boleh lari daripada kita dan perkara-perkara atau berita-berita seperti itu memang kita masukkan dengan syarat berita itu ada hubungan dengan kita.

Soal Singapura, soal lain. Dia negara lain. Mungkin kepentingan dia kepentingan yang lain. Kita di sini kepentingan yang lain. Susunan program dia pun, susunan program kita pun lain. Ini susahlah kita kalau Singapura pada pandangan dia baik, tetapi pada kita susunan kepada mereka itu tidak sesuai kepada masyarakat kita yang ada di tanah air kita ini. Walau bagaimanapun, bagi news coverage kita di Radio pukul 7.30 pagi kita bagi banyak world news kerana kita tahu waktu itu orang-orang highly intellectual people yang mendengar Warta Berita itu dan diwaktu itu kita pentingkan world news.

Begitu juga pukul 8.00 malam, radio kita beri world news kerana diwaktu itulah orang yang menengok kita fikir yang peak hour bagi Radio pukul 8.00 malam Warta Berita itu ialah penting bagi kita dan kita baikan world news yang ada kaitan dengan kita, kita sulami dengan local news supaya berita-berita itu balance untuk memberi information kepada seluruh negara kita.

Satu lagi soal flood report, dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut, barangkali tidak dapatlah saya bagi pasti perkara ini, soal flood report ataupun berita cuaca yang kita keluarkan itu semata-mata dapat daripada Jabatan Kaji Cuaca dan

kalau Jabatan Kaji Cuaca beri begitu, begitu-lah kita keluarkan terpulanglah kepada mereka, apa yang dia keluarkan kita ini bagi service sahaja, tetapi kalau salah barangkali tidak bolehlah blame 100% kepada Jabatan Radio tetapi kita semata-mata menyalurkan apa yang dikeluarkan oleh Jabatan Kaji Cuaca itulah yang kita keluarkan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, oleh kerana menyambung atas perkara kaji cuaca, biarlah saya mengambil peluang menjawabnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Besut. Sepatutnya, Ahli Yang Berhormat itu mengucapkan terima kasih kepada orang yang menjaga cuaca terutama sekali dalam waktu sekarang ini, kerana apa juga yang diterangkan di radio mahupun di talivisyen ialah lapuran daripada Perkhidmatan Kaji Cuaca dan kita menggunakan radar yang terlampau moden walaupun mengikut daripada radar memang angin ribut, Taufan Sally—itu ia menuju kepada Besut (*Ketawa*). Kita patut berasa syukur, kita mohon kepada Allah taala supaya taufan itu melencung sedikit ke tempat lain.

Katanya weather forecast maknanya dia agak-agak dan dalam pada itu pun doa kita Tuhan makbulkan. Saya kata, kalau tidak diberitahu dia sapu, ribut 120 batu satu jam barangkali Ahli Yang Berhormat dari Besut pun habis melayang-layang, saya kena dakwa juga. Alhamdulillah sekarang kita telah mempunyai anggaran peruntukan dan mudah-mudahan mendapat kelulusan dari Dewan ini.

Pada masa hadapan apa weather forecast, tetapi kita mestilah ingat kepada Tuhan supaya Tuhan dapat mengelakkan segala bala-bala yang hendak menimpa kepada kita. Itulah sahaja saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat. Terima kasih.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, sebagai menggulung perbahasan ini saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Anggaran Belanja Tambahan ini dan saya ada sedikit penjelasan untuk dibuat iaitu pertama terhadap perbahasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu berkenaan kehilangan barang-barang dan lain-lain daripada store Jabatan-jabatan Kerajaan. Oleh kerana

dalam negeri kita ini banyak stor-stor maka sebab itulah boleh jadi disetengah-setengah tempat berlaku kehilangan atau sebagainya dan stor-stor ini bukanlah di bawah kawalan satu pejabat atau satu Kementerian atau bukanlah secara langsung di bawah kawalan Treasury, tetapi walau bagaimanapun pihak Kementerian Kewangan atau pihak Treasury mengambil berat tentang kehilangan ini dan akan cuba mengadakan satu cara yang lebih ketat lagi untuk mengelakkan kehilangan seberapa yang boleh.

Yang keduanya, perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah berkenaan dengan kerugian Kerajaan Malaysia yang disebabkan oleh penurunan nilai matawang ringgit Amerika Syarikat.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan ini sukalah saya berkata iaitu Sistem Kewangan Antarabangsa (International Monetary System) yang diikuti oleh sebahagian besar daripada negara-negara di dalam dunia terutama sekali negara-negara yang bukan komunis ialah sistem kewangan yang berdasarkan kepada Perjanjian Bretton Woods yang telah ditandatangani dalam tahun 1945. Di bawah sistem ini tiap-tiap negara ada menyimpan reserve, atau khazanah yang sebahagian daripadanya berbentuk emas disimpan di dalam negeri dan sebahagian daripadanya dalam bentuk matawang luar negeri. Malaysia kita ini selain daripada menyimpan sedikit emas, kita menyimpan reserve kita di dalam matawang antarabangsa seperti Sterling dan juga ringgit Amerika. Selain daripada itu, kita juga menyimpan reserve kita di dalam beberapa matawang yang kuat di dalam dunia ini. Apabila ringgit Amerika mengalami kesukaran pada tahun lepas dan matawang itu diturunkan nilainya, maka tidak dapat tidak kita terpaksa mengalami kerugian oleh kerana kita ada sebahagian daripada reserve kita di dalam bentuk matawang Amerika. Dan oleh sebab itulah sekarang ini di bawah kelolaan International Monetary Fund atau Tabung Kewangan Antarabangsa, sistem kewangan antarabangsa yang ada sekarang ini hendak dikaji dan hendak diperbaiki atau hendak dirombak dan perkara ini sedang di dalam kajian. Tetapi kehilangan yang semacam itu tidak dapat hendak kita elakkan selagi

kita masih lagi mengikut Sistem Kewangan Antarabangsa yang berdasarkan kepada Perjanjian Bretton Woods yang telah ditandatangani dalam tahun 1945 dahulu. Cuma apa yang dapat kita buat ialah menggunakan kebijaksanaan kita mengalih-alihkan reserve kita daripada satu matawang kepada satu matawang lain sehingga ataupun sekira-kira mendatangkan kerugian yang paling sedikit sekali dan inilah yang kita buat selama ini untuk menjaga supaya kerugian kita itu seberapa sedikit yang boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Datuk Keramat tidak faham akan kedudukan Jabatan Kastam dan dia berkata banyak samsu-samsu haram dijual. Tuan Yang di Pertua, mustahillah Pegawai-pegawai Kastam dapat mengekori ataupun dapat meneliti tiap-tiap manusia yang ada di dalam negeri kita ini. Pegawai Kastam dapat berbuat seberapa yang boleh tetapi manusia dalam negeri kita ini terlalu banyak jika dibandingkan dengan Pegawai-pegawai Kastam maka mustahillah Pegawai-pegawai Kastam dapat menahan tiap-tiap manusia yang ada dalam negeri kita ini, kalau hendak bawa dan kalau dia hendak jual samsu-samsu haram ini. Cuma kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat itu daripada dia tunggu 3 bulan sekali, 4 bulan sekali waktu sidang Parlimen ini, kalau dia dapat tahu ada orang-orang kenalannya, ataupun sahabat handainya, ataupun comradenya menjalankan perniagaan samsu ini, tolonglah beri tahu pihak Jabatan Kastam ataupun pihak Kementerian Kewangan supaya tindakan dapat dijalankan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat Usul yang telah diluluskan pada 4hb Disember, 1972, diserahkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis.

MESYUARAT DALAM JAWATANKUASA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan
Jawatankuasa*)

JADUAL PERTAMA

Kepala B. 1—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujui.

Wang sebanyak \$12,657 untuk Kepala
B. 1 diperintah jadi sebahagian daripada
Jadual.

Kepala B. 7—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujui.

Wang sebanyak \$150,000 untuk Kepala
B. 7 diperintah jadi sebahagian daripada
Jadual.

Kepala B. 10—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujui.

Wang sebanyak \$781,482 untuk Kepala
B. 10 diperintah jadi sebahagian daripada
Jadual.

Kepala B. 21—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujui.

Wang sebanyak \$2,610 untuk Kepala
B. 21 diperintah jadi sebahagian daripada
Jadual.

Kepala B. 26—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujui.

Wang sebanyak \$18,300,000 untuk Kepala
B. 26 diperintah jadi sebahagian daripada
Jadual.

Kepala B. 28—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujui.

Wang sebanyak \$2,202,000 untuk Kepala
B. 28 diperintah jadi sebahagian daripada
Jadual.

Kepala B. 30—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujui.

Wang sebanyak \$12,800,000 untuk Kepala
B. 30 diperintah jadi sebahagian daripada
Jadual.

Kepala B. 34—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujui.

Wang sebanyak \$6,272,000 untuk Kepala
B. 34 diperintah jadi sebahagian daripada
Jadual.

Kepala B. 35—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujui.

Wang sebanyak \$148,905 untuk Kepala
B. 35 diperintah jadi sebahagian daripada
Jadual.

Kepala B. 37—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujui.

Wang sebanyak \$23,780,705 untuk Kepala
B. 37 diperintah jadi sebahagian daripada
Jadual.

Kepala B. 38—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujui.

Wang sebanyak \$54,800 untuk Kepala
B. 38 diperintah jadi sebahagian daripada
Jadual.

Kepala B. 39—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujui.

Wang sebanyak \$9,024 untuk Kepala B. 39
diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 41—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujui.

Wang sebanyak \$859,952 untuk Kepala
B. 41 diperintah jadi sebahagian daripada
Jadual.

Kepala B. 43—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$513,148 untuk Kepala B. 43 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 50—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$210,000 untuk Kepala B. 50 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 51—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$38,830 untuk Kepala B. 51 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 52—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,828 untuk Kepala B.52 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 57—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$248,100 untuk Kepala B. 57 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

JADUAL KEDUA

Kepala B. 4—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$911,124 untuk Kepala B. 4 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 7—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$331,000 untuk Kepala B. 7 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 9—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20,000 untuk Kepala B. 9 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 15—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$36,357 untuk Kepala B. 15 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 16—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$30,600 untuk Kepala B. 16 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 17—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,000,000 untuk Kepala B. 17 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 20—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$782,500 untuk Kepala B. 20 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 21—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$99,969 untuk Kepala B. 21 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 23—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,000,000 untuk Kepala B. 23 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 24—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$109,000 untuk Kepala B. 24 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 27—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,000,000 untuk Kepala B. 27 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 33—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$95,067 untuk Kepala B. 33 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 34—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$2,475,373 untuk Kepala B. 34 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 36—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$26,800 untuk Kepala B. 36 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 46—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$436,385 untuk Kepala B. 46 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 49—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$15,000 untuk Kepala B. 49 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 52—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$74,200 untuk Kepala B. 52 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 53—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$49,200 untuk Kepala B. 53 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 54—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,727,408 untuk Kepala B. 54 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Fasal 1 dan 2 diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Kepala P. 100—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$558,793 untuk Kepala P. 100 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1971.

Kepala P. 116—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$17,469,262 untuk Kepala P. 116 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1971.

Kepala P. 138—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,610,000 untuk Kepala P. 138 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1971.

Kepala P. 13—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,000,060 untuk Kepala P. 13 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 14—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 14 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 15—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 15 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 16—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$140,000 untuk Kepala P. 16 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 21—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$9,688,000 untuk Kepala P. 21 disetujukan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala P. 26—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$20 untuk Kepala P. 26 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 32—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 32 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 33—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$690,000 untuk Kepala P. 33 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 34—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$40,020 untuk Kepala P. 34 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 40

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$590,010 untuk Kepala P. 40 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 47—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$27,634,000 untuk Kepala P. 47 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 49—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,600,000 untuk Kepala P. 49 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 51—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 51 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 52—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$45,000 untuk Kepala P. 52 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 53—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$2,450,000 untuk Kepala P. 53 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 56—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$20 untuk Kepala P. 56 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 57—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$5,022,420 untuk Kepala P. 57 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

Kepala P. 61—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$2,000,000 untuk Kepala P. 61 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972.

MAJLIS MESYUARAT BERSIDANG SEMULA

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (1971 dan 1972) (Bil. 2) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

KELULUSAN USUL

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju

dengan usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1971 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972, disetujukan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$19,638,055 dan satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$50,899,590 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan masing-masing untuk tahun kewangan 1971 dan 1972, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 43 tahun 1972 bagi wang tambahan untuk tahun 1971, dan Kertas Perintah Bil. 47 tahun 1972 bagi wang tambahan untuk tahun 1972 diuntukkan jumlah yang tersebut setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepada di ruangan lapan dan sembilan dalam senarai kedua-dua Kertas Perintah itu.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951" dibaca bagi kali kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Seksyen-seksyen 11 (1) dan 13 (1A) Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 (Bil. 21 tahun 1951). Pindaan-pindaan ini adalah berhubung dengan kadar faedah yang boleh dikenakan ke atas caruman-caruman yang terlewat dibayar dan jumlah wang yang layak dikeluarkan apabila seseorang ahli meningkat umur lima puluh tahun. Pindaan kepada Seksyen 16 (7B) pula merupakan pindaan yang berikutan daripada pindaan Seksyen 13 (1A).

Tuan Yang di Pertua, mengikut Seksyen 11 (1) dan peruntukan-peruntukan di bawahnya yang dipakai sekarang, seseorang majikan dikehendaki membayar faedah ke atas caruman-caruman terlewat pada kadar setengah peratus sebulan bagi tiap-tiap bulan atau sebahagian daripada satu bulan, dengan kadar faedah minimanya sebanyak \$5.00 sebulan. Berasaskan kadar ini, majikan-majikan yang caruman bulannya berjumlah antara \$3.00 hingga \$1,000 akan membayar faedah yang sama banyak, iaitu \$5.00 sebulan, bagi caruman-caruman yang terlewat. Adalah ternyata, peruntukan ini sekarang berjalan secara tidak saksama, dan lebih memberatkan majikan-majikan kecil. Oleh itu adalah lebih adil dan rasional jika jumlah faedah minima yang ada sekarang diturunkan daripada \$5.00 kepada \$2.00 sebulan, dengan meminda Seksyen 11 (1) Ordinan tersebut.

Kadar yang dikenakan sekarang sebanyak setengah peratus sebulan bagi tiap-tiap bulan atau sebahagian daripada satu bulan ke atas caruman-caruman terlewat adalah bersamaan dengan 6% setahun. Adalah dirasakan kadar ini perlu dinaikkan supaya ia menjadi satu peratus lebih tinggi daripada perolehan pelaburan-pelaburan pada sesuatu Kumpulan Wang itu. Hasil ke atas pelaburan ditakrif sebagai kadar faedah yang dibayar ke atas cagaran-cagaran (securities) yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan yang ditawarkan akhir sekali untuk belian awam dan telah dibeli oleh Lembaga ini. Sebagai contohnya, dalam bulan Mac 1972, Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja membeli cagaran-cagaran Kerajaan Persekutuan yang mempunyai jangka masa kematangan yang terpanjang iaitu 20 tahun, matang dalam tahun 1992 pada kadar faedah 7%. Oleh itu, untuk tujuan ini, kadar faedah yang boleh dikenakan ke atas caruman terlewat adalah satu peratus lebih tinggi daripada 7% iaitu 8% setahun. Kadar faedah yang lebih tinggi ini membolehkan Kumpulan Wang memperoleh pendapatan yang patut diperolehinya sekiranya caruman-caruman itu dibuat mengikut masa yang betul, di samping menutupi tambahan kos pentadbiran yang perlu akibat pembayaran-pembayaran terlewat. Adalah diharapkan dengan cara ini, majikan-majikan tidak akan menanggungkan pembayaran caruman dan akan membayar sebaik sahaja mereka dikehendaki berbuat demikian.

Pindaan ke atas Seksyen 13 (1A) Ordinan tersebut adalah perlu kerana kesamaran yang ada di dalam susunan kata-kata Seksyen ini sekarang. Sungguhpun maksud Seksyen kecil ini adalah jelas, iaitu seseorang ahli apabila mencapai umur lima puluh tahun boleh memohon sekali sahaja untuk mengeluarkan satu pertiga daripada wangnya dengan Kumpulan Wang, ayat-ayat dalam seksyen-kecil ini tidak menerangkan dengan jelas bahawa pengeluaran sebahagian hanya dibenarkan sekali sahaja dan jumlah yang boleh dikeluarkan ialah satu pertiga daripada baki simpanan ahli. Seksyen-kecil ini sebagaimana dipakai sekarang membenarkan seseorang ahli mengeluarkan jumlah wang yang kurang daripada jumlah simpanannya pada masa itu dan pengeluaran itu boleh dilakukan lebih dari sekali. Di samping itu, seksyen-kecil ini tidak menentukan asas bagi perkiraan jumlah wang yang boleh dikeluarkan. Oleh kerana itu seksyen-kecil (1A) bagi Seksyen 13 perlu dipinda supaya pengeluaran sebahagian yang lebih dari sekali tidak dibenarkan; jumlah wang sebahagian yang boleh dikeluarkan ditetapkan itu satu pertiga daripada jumlah wang dalam kira-kira ahli pada permulaan tahun.

Oleh kerana Seksyen 13 (1A) dan Seksyen 16 (7B) Ordinan tersebut mengenai perkara yang sama, Seksyen 16 (7B) juga perlu dipinda. Kedua-dua seksyen ini membenarkan pengeluaran sebahagian dibuat dari jumlah wang seseorang ahli apabila meningkat umur lima puluh tahun tanpa berhenti daripada menjadi ahli Kumpulan Wang. Seksyen 16 (7B) merujuk kepada ahli-ahli "Kumpulan Wang yang diluluskan" sahaja sementara Seksyen 13 (1A) merujuk kepada ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Pindaan yang berikut ini menghendaki supaya Seksyen 16 (7B) dipinda mengikut hal-hal dan syarat-syarat yang sama dengan pindaan ke atas Seksyen 13 (1A), kecuali rujukan yang dibuat kepada kumpulan wang masing-masing.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di Pertua, saya adalah menyokong di atas usul yang dikemukakan baharu-baharu ini, tetapi saya berpendapat pekerja-pekerja yang menyimpan wang

dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini 80% lebih daripadanya adalah buruh-buruh yang bekerja di dalam kebun-kebun atau estet-estet, lombong-lombong dan juga buruh-buruh di kilang-kilang. Mereka ini menyimpan wang boleh jadi \$5 sebulan dan diberi pula \$5 lagi, menjadi \$10 sebulan. Kalau sudah sampai setahun cuma \$120 setahun. Sudah 30 tahun bekerja \$120 kalau 10 tahun \$1,200, kalau 30 tahun barangkali \$4,000 atau \$5,000 yang dapat dicampur dengan bunga (interest). Apabila sampai umurnya 50 tahun maka mereka hendak meminjam oleh kerana buruh-buruh ini daripada estet, lombong, kilang-kilang adalah boleh dikatakan orang-orang yang miskin, maka tidak ada peluang bagi mereka untuk mendapatkan tanah, untuk mendapatkan rumah ataupun untuk memberi pelajaran kepada anak-anaknya ke sekolah-sekolah tinggi melainkan mendapat biasiswa (scholarship).

Dengan sebab itu saya harap kepada Kerajaan menimbangkan di atas perkara ini apabila sampai umurnya 50 tahun dia mestilah bersiap sedia kerana di dalam 50 tahun umurnya itu, saya ini hampir-hampir 50 tahun boleh jadi besok atau lusa akan mati. Angguta lutut pun sudah goyang dan fikiran pun tak tentu arah lagi. Hendak berkawan dengan pokok getah pun pokok getah tidak mahu berkawan lagi oleh kerana mata tak boleh menoreh lagi. Kalau pekerja di lombong, pam air pun tak boleh dipegang lagi oleh kerana besi itu berat, kalau di kilang pun tuan-tuan di kilang tak mahu memakai orang yang umurnya 50 tahun kerana productionnya kurang, oleh kerana tenaga sudah kurang sangat. Dengan sebab itu orang ini mestilah bersiap sedia untuk mendapatkan sebuah rumah kecil supaya bekalan tuanya sampai mati nanti, hendak harap pergi ke Mekah takkan ada.

Dengan sebab itu saya harapkan kepada Kerajaan sebagaimana membina rumah-rumah kepada pegawai-pegawai Division I, II dan akan membina juga rumah-rumah kepada pegawai-pegawai Division III. Saya minta kepada pejabat Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini membeli tanah-tanah juga, baik di Kuala Lumpur mahupun di pekan besar, ditepi estet-estet, di lombong-lombong beli tanah dan bina rumah-rumah untuk pekerja-pekerja ini dan kemudian dijual secara beransur. Kalau tidak begitu

orang-orang ini nanti menjadi satu masalah besar kepada Kerajaan lebih banyak se-tinggan lagi di pekan-pekan Kuala Lumpur ini oleh sebab mereka tak mampu untuk membuat rumah, zing-zing buruklah, papan-papan sayong, tanah-tanah haramlah mereka ini akan duduki, tangkaplah mereka. 100 orang ditangkap, 1,000 buah rumah haram akan didirikan di pekan-pekan.

Dengan sebab itu saya berharap sangat kepada pejabat ini, iaitu kumpulanwang Simpanan Pekerja bukan sahaja meminjamkan wang kepada hotel-hotel besar tetapi hendaklah menengok pekerja-pekerja yang telah menyimpan wang-wang ini ke dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini masalah mereka mestilah ditengokkan secara istimewa.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di Pertua, suka saya mengambil bahagian ketika mana Rang Undang-undang meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja Tahun 1951 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan baharu sekejap tadi.

Tuan Yang di Pertua, tujuan-tujuan yang dibuat oleh Kerajaan untuk mengadakan Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini adalah dengan tujuan untuk memberi perlindungan kepada mereka di masa yang akan datang. Tuan Yang di Pertua, sekarang kita dapat Kumpulanwang Simpanan Pekerja sudah begitu besar menjadi pengumpul wang ataupun badan yang mencari kewangan dan mengumpul wang untuk dibelanjakan ataupun ditanamkan di mana-mana yang difikirkan perlu.

Tuan Yang di Pertua, kita dapat tahu bahawa pihak Kumpulanwang Simpanan Pekerja ada memberi pinjaman kepada beberapa syarikat-syarikat dan kompeni yang besar-besar untuk menjalankan projek-projeknya bagi mendatangkan keuntungan kepada syarikat yang tersebut. Memang menjadi dasar agaknya pada pihak EPF ini memberi pinjaman kepada kalangan-kalangan swasta yang difikirkan kukuh dan difikirkan akan mendatangkan keuntungan kepada pihak Kumpulanwang Simpanan Pekerja dengan memberi pinjaman-pinjaman itu dengan merupakan bunga (interest) dari satu masa kesatu masa.

Selain daripada itu, Tuan Yang di Pertua, patutlah difikirkan oleh pihak Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini tentang nasib orang-orang yang mencarumkan wangnya ke dalam kumpulan ini yang terdiri daripada kaum buruh, yang terdiri daripada kaum pekerja-pekerja yang ada di negara kita ini yang sekarang ini memandang wang itu hanya sebagai wang di dalam cermin, iaitu dia melihat wangnya ada di sana tetapi dia tidak dapat berbuat apa-apa dan tidak boleh berkata apa-apa kepada wang simpanannya itu.

Tuan Yang di Pertua, misalnya sekarang ini pihak penyimpan wang ataupun pencarum wang itu tidak dapat meminjam wangnya sendiri untuk keperluannya. Saya dapat tahu bahawa banyak di antara pencarum-pencarum wang simpanan di dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini dan membuat permohonan-permohonan untuk meminjam wang kerana sesuatu perkara kerana membeli rumah misalnya, kerana untuk menanam modal di dalam Bank Bumiputra, di dalam apa-apa saham yang mendatangkan faedah khasnya saham orang Melayu atau bumiputra, maka pinjaman . . .

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Sekarang orang ramai khasnya bumiputra belum boleh lagi menanam modal dalam Bank Bumiputra.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, saya terlajak sampai ke Bank Bumiputra tetapi Saham Bumiputra—(Saham MARA).

Tuan Yang di Pertua: Tak usahlah terlajak-terlajak selalu!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, saya ingin meminta kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan

supaya mengkaji semula iaitu dengan meluluskan dan membenarkan Sekim Pinjaman dijalankan kepada pencarum-pencarum wang simpanan pekerja untuk satu perkara yang difikirkan mendatangkan faedah dan kekal ataupun kokoh keadaannya pada masa-masa yang akan datang.

Selain daripada itu, Tuan Yang di Pertua, saya ingin meminta kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya wang simpanan pekerja ini dibolehkan menjadi satu cagaran, cagaran untuk membuat satu-satu pinjaman. Misalnya perkara ini seorang yang mahu menjalankan perniagaan khasnya orang Melayu yang memang tidak ada mempunyai modal untuk menjalankan perniagaan dia mahu modal, hendak pinjam duit MARA, MARA hendak satu cagaran (geran tanah), tanah pun tidak ada. Jadi yang adanya ialah kad ataupun karto wang simpanan pekerja yang sekarang ianya baharu berumur 40 tahun duitnya sudah ada \$3,000 dalam simpanan pekerja tetapi hendak ambil tidak boleh, hendak buat cagaran kepada pinjaman yang tersebut pun tidak dapat. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian supaya membolehkan wang simpanan pekerja itu menjadi cagaran untuk membuat satu pinjaman oleh pihak pencarumnya.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di Pertua,

Tuan Yang di Pertua: Mesyuarat ini ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.33 petang.